

قَتِيقَن تِيتَه

PETIKAN TITAH

“KEWAJIPAN para pelajar tidak ada dua tiga, melainkan cuma satu sahaja, iaitu untuk belajar dan lulus dalam pengajian. Mereka perlu sedar, bahawa mereka adalah aset negara, dan selaku aset, mereka tidak boleh cacat atau susut nilai. Jika aset cacat atau susut nilai, maka itu, bukan lagi bernama aset.”

- Titah Sempena Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam Yang Berada Di United Kingdom (UK) dan Northern Ireland; dan Penghargaan Biasiswa 'The Chancellor's Scholar' UBD Bagi Sesi 2015 / 2016 di London, UK pada 1 Rabiulawal 1437 Hijrah/13 Disember 2015 Masihi.



قَلْبِي فِي سُلْطَانِ

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

“WAHAI orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mendahului Allah dan Rasul-Nya (dalam menetapkan sesuatu hukum), dan bertakwalah kamu kepada Allah.”

- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hujuraat, ayat 1).

TAHUN 60 / BILANGAN 154

26 DISEMBER 2015 / 1437 ربيع الأول

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

Berangkat menyemarakkan Sambutan Maulud Nabi



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengetuai perhimpunan dan perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Bagi Peringkat Negara sejauh 3.7 kilometer mengelilingi ibu negara bersama paduka-paduka anakanda dan kerabat diraja yang lain serta pembesar-pembesar negara yang bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas (Lihat muka 3, 4, 5, 12 dan 13).

Islam selamanya benar

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor, Norlia Md. Zain

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, Islam selama-lamanya adalah benar, dan tidak pernah membuat sebarang kesalah.

Baginda menegaskan bahawa yang bersalah itu ialah individu. Maka yang dicela bukanlah Islam, tetapi siapa yang mencela Islam.

Dalam hubungan ini, baginda menekankan setiap individu, khasnya

orang-orang Islam sendiri, adalah mustahak memahami supaya tidak berbangkit, akan ada pihak-pihak yang keliru yang memandang serong kepada Islam.

Titah baginda, Islam tidak terlibat, atau sama sekali tidak boleh dilibat-libat dengan keburukan. Ia tetap ugama samawi, yang semata-mata hanya menjana kebaikan.

Sebaliknya, tegas baginda, jika terjadi sebarang keburukan, seperti jenayah dan lain-lain, maka itu bukanlah dari ajaran Islam kerana Islam adalah sangat kuat memelihara darah, nyawa, keturunan, harta benda dan maruah.

“Siapa yang mengenalkan semua

ini kepada kita? Jawabnya tidak lain ialah Nabi Pesuruh Allah, Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Oleh itu sangatlah perlu Baginda itu dikenang selalu, untuk mengilhami kita meneruskan usaha-usaha suci memelihara Islam dan kesejahteraan sejagat,” tegas baginda sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1437 Hijrah / 2015 Masihi di Istana Nurul Iman.

Terdahulu titah baginda, dengan berkat kerasulan Nabi Muhammad, selaku pelita dan rahmat. Baginda benar-benar menjadi rahmat kepada seluruh alam. Inilah rahsia Allah mengutus Baginda.

Kita yang menerima rahmat dan nikmat ini, titah baginda, tidak ada sebab untuk tidak memperingati hari keputeraan Baginda, selaku pembawa rahmat tersebut dengan

bersyukur sambil mengenang jasa Baginda.

Perkara seumpama ini, titah baginda, adalah amat disukai Allah, lebih-lebih lagi dengan selalu berselawat dan berzikir atau mengadakan majlis-majlis ceramah

dan kuliah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berharap, semoga dengan berkat niat baik kita ini, negara akan terus dilimpahi dengan rahmat, berupa keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran.



Muka 3

ISTIADAT Penutup Dikir Maulud



Muka 10

JALUR luhur purih Burong Pingai eratkan silaturahmi

Teknologi GNSS relevan bagi pembangunan negara

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

PERTAMA sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penganjur. Multi GNSS Asia (MGS) dan Soartech System Sdn. Bhd. kerana menjemput saya sebagai tetamu kehormat dalam Persidangan MGA Ke-7. Saya berharap perhimpunan ini akan meningkatkan pengetahuan kita mengenai teknologi baru dan mengukuhkan hubungan kita antara sektor swasta dan pegawai-pegawai kerajaan melalui *public-private partnerships* (PPP).

Kemerosotan alam sekitar dan pengurusan bencana dibincangkan secara meluas dalam mana-mana forum antarabangsa. Banyak organisasi antarabangsa bercakap dan membincangkan topik-topik yang sama atau isu-isu dalam forum masing-masing. Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan, sebagai salah satu daripada ahli-ahli eksekutif Bangsa-Bangsa Bersatu Pengurusan Maklumat Global Geospasial bagi Asia dan Pasifik (UN-GGIM-AP), secara aktif terlibat dalam perkongsian maklumat dan GPS geospasial pemerhatian dalam Rujukan Rangka Projek Geodetik Global, salah satu aktiviti UN-GGIM-AP di bawah Kumpulan Kerja satu (1).

Dalam hal ini, selaras dengan tema Persidangan MGA hari ini, 'Cabaran Geospasial Dalam Rantau Asia Pasifik', saya menyeru kepada semua organisasi yang berkaitan untuk sentiasa bekerjasama dan mengelakkan pertindihan kerja-kerja dalam memperoleh data geospasial dan ini sudah tentu akan mengurangkan kos dalam segi perolehan data. Ini juga selaras dengan resolusi mengenai 'Rujukan Rangka Kerja Global Geodetik (GGRF) mengenai Pembangunan Mampan' yang diterima pakai pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Teknologi memainkan peranan yang besar dalam pembangunan mampan dalam semua aspek, terutama dalam bidang sosial, alam sekitar dan ekonomi. Seperti yang kita semua tahu bahawa Sistem Kedudukan Global (GPS) digunakan secara meluas bagi pengurusan kedudukannya dan ini bukan sahaja digunakan oleh pengguna-pengguna seperti pelayar, juruukur, jurutera dan pejabat tentera lagi.

Teknologi Sistem Navigasi Satelit Global (GNSS) juga telah berkembang daripada sebuah alat untuk mengurus projek-projek bagi satu rangka kerja untuk memahami dan bertindak balas kepada masalah pada skala yang terdiri daripada tempatan kepada global. GNSS juga menguruskan untuk membantu dalam pelbagai aspek, seperti di dalam pengurusan alam sekitar seperti kawalan kebakaran belukar, sistem amaran awal, kemusnahan tanah dan lain-lain lagi. Ketepatan teknologi GNSS juga boleh



TIMBALAN Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar semasa berucap pada Persidangan Multi GNSS Asia (MGA) Ke-7 pada hari Selasa, 26 Safar 1437 Hijrah / 8 Disember 2015 Masihi di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh : Hajah Musmariani Haji Mohammad

memantau struktur awam terutama bangunan tinggi, jambatan, empangan dan lain-lain. Pemantauan pergerakan tanah juga boleh dilakukan dengan bantuan ukuran yang sangat tepat yang dibuat oleh sistem GPS.

Saya harap bahawa isu-isu alam sekitar yang tidak sihat disebabkan oleh asap dari hutan dalam kawasan rantau ini dan pemantauan bencana akan dapat dibincangkan lebih lanjut dalam persidangan GNSS ini dan bagaimana teknologi GNSS dapat diguna pakai dengan cepat dan tepat untuk membetulkan apa-apa bencana alam.

Kementerian Pembangunan telah menyelarkan pelbagai projek pembinaan, yang memerlukan penglibatan profesional seperti juruukur berkelayakan, jurutera dan lain-lain yang berkaitan profesional di negara ini. Dari itu semua peringkat profesional ini perlu melengkapkan diri dengan teknologi semasa dan terkini untuk mengurangkan masa menunggu bagi aktiviti-aktiviti pembinaan yang akan dilaksanakan di negara ini. Ini adalah sejajar dengan wawasan negara kita 2035 di mana Brunei Darussalam dikenali dengan pencapaian rakyatnya yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, serta mempunyai kualiti hidup yang dinamik dan ekonomi yang kukuh. Dalam usaha untuk mencapai wawasan negara, kita perlu bekerjasama di antara kedua-dua sektor kerajaan dan swasta melalui penswastaan

dan PPP.

Teknologi baru seperti GPS atau GNSS untuk kedudukan, pemantauan gempa bumi, ramalan cuaca, pengurusan bencana dan lain-lain akan menyokong pembangunan sosioekonomi negara. Dalam hal ini, adalah penting untuk semua peringkat profesional di negara ini untuk mengikuti perkembangan teknologi terkini.

Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pembangunan dengan kerjasama agensi-agensi lain telah mengadakan seminar dan bengkel kebangsaan dan antarabangsa mengenai teknologi baru untuk industri pembinaan, tebatan banjir, pengurusan bencana dan lain-lain. Persidangan dan bengkel yang sama pada hari ini dianjurkan bersama oleh sektor swasta dan disokong oleh jabatan-jabatan kerajaan yang berkaitan di negara ini amat dihargai. Saya berharap bahawa persidangan atau bengkel yang sama pada hari ini juga dapat diperluaskan lagi kepada institusi profesional tempatan dan sektor swasta yang lain di negara ini, melalui Program Pembangunan Berterusan (CPD) bukan sahaja untuk pembangunan kerjaya mereka tetapi untuk berkongsi idea mengenai bagaimana untuk mengendalikan isu-isu global semasa seperti pemanasan global, bencana alam dan pencemaran alam sekitar.

Saya difahamkan bahawa Persidangan MGA dan bengkel dianjurkan oleh MGA, bertujuan untuk menggalakkan dan menyokong aktiviti 'Kempen Demonstrasi Asia Oceania Multi - GNSS', disokong oleh Jawatankuasa Antarabangsa PBB Mengenai GNSS (UN-ICG).

Persidangan tiga hari ini akan menjadi satu pengalaman bagi membuka mata semua peserta untuk mengetahui bahawa kandungan kursus dan topik mengenai bidang utama teknologi GNSS adalah yang paling relevan dalam konteks pembangunan tempatan hari ini di Negara Brunei Darussalam. Persidangan ini juga akan dapat memberikan peluang untuk menggalakkan pembangunan aplikasi GNSS baru di rantau ini.

Tahun ini adalah acara terbesar berjumlah penonton yang berbeza di seluruh dunia dengan kehadiran kira-kira 200 peserta. Saya percaya kombinasi kedua-dua agensi kerajaan kita seperti Jabatan Ukur dan syarikat swasta tempatan seperti Soartech Systems untuk menerajui dalam acara ini akan membuat penglibatan yang sangat berjaya untuk semua pihak di rantau ini.

Saya juga dimaklumkan bahawa persidangan itu akan menjadi bengkel yang sangat interaktif terdiri daripada demonstrasi, kajian kes, dan perbincangan topik pelbagai hala tentang GNSS yang berkaitan. Oleh itu, ini adalah satu peluang yang ideal untuk kita mengetahui lebih lanjut mengenai penyelidikan GNSS dan perspektif pembangunan di Negara Brunei Darussalam dan dalam kawasan Asia juga.

Ke muka 10

Dari Sidang
Pengarang.

26 DISEMBER 2015 BERSAMAAN 1437 ربيع الأول 14

**SAMBUTAN MAULIDUR RASUL
TANDA BERSYUKUR DAN MENGENANG
JASA NABI MUHAMMAD SALLALLAHU
ALAIHI WASALLAM**

SETIAP 12 Rabiulawal bulan Hijrah pada setiap tahun, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan membawa rakyat dan penduduk negara kita yang beragama Islam sama-sama menyambut hari kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sambutan tersebut yang dikenali sebagai Maulidur Rasul adalah merupakan salah sebuah hari kebesaran Islam yang disambut di keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam.

Menyambut Maulidur Rasul juga adalah salah sebuah cara utama kita menerjemah secara nyata falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan menerjemah secara nyata erti berbangsa, beragama dan bernegara.

Menyambut Maulidur Rasul adalah salah sebuah cara kita bersyukur dan mengenang jasa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

"Sebagai hamba Allah yang tahu menghargai nikmat Allah terhadapnya, maka kita sangatlah wajar bersyukur di atas limpah kurnia Allah mengutus Nabi-Nya yang mulia, Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ke alam maya ini," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Bagi Tahun 1437 Hijrah / 2015 Masihi baru-baru ini.

"Dengan kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, dunia ini telah bertukar rupa, dari gelap-gelita kepada terang-benderang. Jiwa buas manusia dapat dijinakkan menjadi lebih tenang dan bertimbang rasa," titah baginda.

"Inilah berkat kerasulan Nabi Muhammad selaku pelita dan rahmat. Baginda benar-benar menjadi rahmat kepada seluruh alam (Rahmatan Lil'alamin). Inilah rahsia Allah mengutus Baginda," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Kita yang menerima rahmat dan nikmat ini, tidak ada sebab untuk tidak memperingati hari keputeraan Baginda, selaku pembawa rahmat tersebut. Inilah namanya kita bersyukur sambil mengenang jasa," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

"Orang yang bersyukur dan pandai mengenang jasa adalah orang baik, dan malah Allah sangat menyukai mereka. Lagipun apabila kita memperingati detik bersejarah ini, kita bukan mengisinya dengan perkara sia-sia, tetapi dengan perkara-perkara yang disuruh oleh agama sendiri, seperti berselawat dan berzikir atau mengadakan majlis-majlis ceramah dan kuliah," titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia terus mengingatkan kita sebagai rakyat dan penduduk beragama Islam supaya jangan berhenti dari melakukan amalan tradisi memperingati hari-hari kebesaran Islam, biarpun orang lain tidak melakukannya.

"Kita melakukan ini adalah sebagai usaha untuk memperkaya semangat kita sendiri dalam menjulang Islam di mata dunia, di samping mengambil manfaat daripadanya," titah baginda. - **Ketua Penyuntingan (Mm).**

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Marlinawaty Hussin,
Ak. Sy'aruddin Pg. Dauddin

Ketua Bahagian Pelita Brunei

Hajah Zabaidah Haji Salat

Ketua Penyuntingan

Musa Mohidin,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Mohammad Rainie Haji Durani,
Samle Haji Jait

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Penyuntingan

Samle Haji Jait,
Nor Hanizah Haji Abd. Halim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Mohammad bin Kahar

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Nornasyirah Nordin,
Muhammad Hafizhuddin Tasad

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214



Jangan takut mempromosi Islam

Oleh : Pg. Hajah Fatimah
Pg. Haji Md. Noor,
Norlia Md. Zain
Foto : Hernie Suliana
Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Disember. - Islam adalah agama tertinggi yang menghulurkan kebajikan kepada siapa saja, dan ia perlu terus dilihat dan dikenali sebagai agama terbaik.

Kerana itu jangan takut mempromosi Islam, sebagaimana Allah sendiri mempromosinya di dalam Surah Ali 'Imran ayat 19 tafsirnya : *"Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah ialah Islam."*

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1437 Hijrah / 2015 Masihi di Istana Nurul Iman.

Titah baginda, promosi ini adalah mutlak daripada Allah mengenai Islam dan tidak boleh dipertikaikan lagi, kerana pengakuan ini bukannya dari siapa-siapa melainkan daripada Allah sendiri.

"Jika ada orang yang mahu



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1437 Hijrah / 2015 Masihi di Istana Nurul Iman.

menyangkalnya, maka itu adalah satu *keceluparan* di sisi Maha Pencipta," tegas baginda.

Sehubungan itu, baginda mengingatkan agar umat Islam

tidak berhenti dari melakukan amalan tradisi memperingati hari-hari kebesaran Islam, biarpun orang lain tidak melakukannya.

Titah baginda, kita melakukan

ini sebagai usaha untuk meningkatkan semangat kita sendiri dalam menjulang Islam di mata dunia, di samping meraih manfaat daripadanya.

- PETIKAN TITAH -

- **JANGAN** berhenti dari melakukan amalan tradisi memperingati hari-hari kebesaran Islam, biarpun orang lain tidak melakukannya. Kita melakukan ini adalah sebagai usaha untuk memperkaya semangat kita sendiri dalam menjulang Islam di mata dunia.
- **ISLAM** adalah agama tertinggi yang menghulurkan kebajikan kepada siapa saja. Ia perlu terus dilihat dan dikenali sebagai yang terbaik. Kerana itu jangan takut mempromosi Islam.
- **ISLAM** selama-lamanya benar, dan Islam selama-lamanya tidak pernah membuat sebarang kesalahan.
- **ISLAM** tidak terlibat atau sama sekali tidak boleh dilibat-libat dengan keburukan. Ia tetap agama samawi, yang semata-mata hanya menjana kebaikan.
- **AJARAN** Islam adalah sebaliknya, sangat kuat memelihara darah, nyawa, keturunan, harta benda dan maruah.

Istiadat Penutup Dikir Maulud



ISTIADAT Penutup Dikir Maulud berlangsung di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Disember. - Majlis Dikir Syarafil Anam sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Bagi Tahun 1437 Hijrah, yang dilangsungkan selama 12 malam berturut-turut di masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat dan di rumah-rumah orang perseorangan di negara ini adalah bagi menunjukkan kecintaan umat Islam kepada Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sementara itu, Majlis Dikir Syarafil Anam selama 12 malam berturut-turut di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman berakhir malam ini dilangsungkan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang dan selepas itu diteruskan dengan Dikir Assalamualaika yang dibawakan

oleh pegawai-pegawai masjid dan imam-imam.

Di samping itu, antara bacaan dikir yang dibawakan ialah Khairuman, Bisyahrin, Alham dan Badat, manakala persembahan Marhaban juga dibawakan oleh pegawai-pegawai masjid dan imam-imam, apabila sampai pada bacaan 'Ya Habibi' majlis diikuti dengan tembakan meriam sebanyak 21 das.

Sementara Doa Dikir dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran.

Manakala Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat dan hadir pada majlis itu termasuklah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat, Yang Mulia Timbalan-Timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Yang Dimuliakan Pehin-Pehin Manteri dan Yang Mulia Manteri-Manteri Hulubalang, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-Setiausaha Tetap, naib-naib cancellor, mantan Pemerintah ABDB dan mantan Pesuruhjaya Polis, Ahli-Ahli Lembaga Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan serta para jemputan.



SUASANA Istiadat Penutup Dikir Maulud yang berlangsung di Istana Nurul Iman yang dihadiri oleh Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria dan pembesar-pembesar negara.

Berangkat menyemarakkan Sambutan Maulud Nabi



BERANGKAT sama ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Masri Osman,
Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali,
Muhammad Asri Haji Awang Abas



TURUT berangkat dan hadir ialah kerabat diraja dan pembesar-pembesar negara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Disember. - Umat Islam di seluruh Negara Brunei Darussalam menyemarakkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengadakan acara perhimpunan dan perarakan sambil berselawat sempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Tahun 1437 Hijrah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyertai bersama hampir 12 ribu rakyat dan penduduk Islam yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Yang Teramat Mulia Paduka Seri



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Bagi Peringkat Negara 1437 Hijrah / 2015 Masihi di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel serta kerabat diraja yang lain.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di sini dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin

bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1437H serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan yang lain.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Ke muka 5



SEBAHAGIAN Menteri-Menteri Kabinet yang hadir.



SUASANA Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1437H / 2015M di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika disembahkan kepada pasukan-pasukan yang menyertai perhimpunan dan perarakan.

Dari muka 4

Seterusnya, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam sembah alu-aluannya antara lain menekankan umat Islam di negara ini menyambut dengan cara dan corak amalan keagamaan yang sama

sekali tidak menyalahi akidah dan syariah bahkan sebaliknya perayaan dan sambutan Maulud menjadi sebahagian pemangkin ajaran Islam yang terbukti telah memberkati negara kita sebagai negara berpemerintahan beraja yang adil yang menyatupadukan sekalian rakyat dengan kerajaan dan di antara sesama rakyat termasuklah antara

yang Islam dengan yang bukan Islam.

Terdahulu Yang Berhormat menjelaskan, acara perhimpunan dan perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah diadakan semenjak lebih 60 tahun yang lalu dan menyatakan terdapat gambar lama perarakan sekitar tahun 1954 yang mana Kampung Bakut China memenangi peraduan pasukan perarakan ketika itu.

"Syukur Alhamdulillah, negara dapat meneruskan amalan baik ini dengan mengketarakan syiar keislamannya yang kondusif bagi keamanan dan ketenteraman di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Tuan Patik," ujar Yang Berhormat.

Setelah itu, Kebawah DYMM berangkat bagi menerima junjung ziarah dan bersalam-salaman dengan ketua-ketua pasukan yang menyertai perhimpunan bagi Daerah Brunei dan Muara, iaitu sebanyak 143 pasukan yang terdiri daripada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan, Majlis Perundingan Kampung dan jemaah takamir masjid, institusi-institusi pengajian tinggi serta maktab-maktab dan sekolah-sekolah menengah.

Acara diteruskan dengan persembahan Dikir Marhaban yang dibawakan oleh Pasukan Dikir Kementerian Kewangan dan sebaik sahaja sampai kepada 'Ya Habibi' tembakan meriam sebanyak 21 das mula dilepaskan.

Sebelum perarakan dimulakan, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan, diikuti dengan bacaan selawat oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Kebawah DYMM dan paduka-paduka anakanda diikuti para pembesar negara seterusnya memulakan perarakan sejauh kira-kira 3.7 kilometer mengelilingi sebahagian kawasan ibu negara.

Sambutan kali ini membawakan tema 'Menghayati Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' antara lain membawakan pengertian sunnah dari segi bahasa bermaksud perjalanan, amalan atau cara hidup, manakala dari segi istilah ahli-ahli Hadis ialah apa-apa yang terbit daripada Rasulullah sama ada perkataan, perbuatan, pengakuan, sifat kejadian dan akhlak Baginda.

Sunnah merupakan sumber rujukan kedua umat Islam dan ia selari dengan Al-Qur'an. Sunnah berperanan menjelaskan Al-Qur'an dari berbagai-bagai aspek, ia menjelaskan ayat-ayat dan hukum-hukum secara menyeluruh dan terperinci serta menghuraikan setiap peribadatan melalui praktikal dan amali.



PERARAKAN mengelilingi sebahagian Bandar Seri Begawan didahului oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja.



PARA peserta perarakan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1437H/2015M.

Laungan selawat bergema sebagai tanda syukur



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd Roselan bin Haji Mohd Daud menyampaikan sijil penyertaan kepada ketua-ketua pasukan yang mengambil bahagian dalam perhimpunan dan perarakan.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

KUALA BELAIT, Khamis, 24 Disember. - Kira-kira 3,590 umat Islam di Daerah Belait melaungkan selawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai tanda syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Belait yang diadakan di Padang Bandaran.

Laungan selawat yang diucapkan serentak secara beramai-ramai menandakan bermulanya perarakan mengelilingi Pekan Belait sejauh 3.5 kilometer oleh 46 buah pasukan yang menyertai Maulud Nabi tahun ini.

Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diadakan serentak di seluruh negara adalah sempena bertepatan dengan hari lahirnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pada 12 Rabiulawal pada taqvim Hijrah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada

majlis tersebut sekali gus mengepalai perarakan di daerah ini ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd Roselan bin Haji Mohd Daud.

Majlis bermula dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an yang disampaikan oleh johan Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Daerah Belait dan peserta Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1437 Hijrah / 2015 Masihi, Awang Haji Haslan bin Haji Shahbudin.

Majlis turut diserikan dengan tazkirah yang disampaikan oleh Dekan Pelajar dan Pemangku Pengarah Pusat Bahasa, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Hambali bin Haji Jaili, yang antara lain menceritakan tentang peristiwa bermulanya Sambutan Maulud Nabi yang terawal sejak Kurun Ke-7.

Sebelum perarakan bermula, tetamu kehormat diperkenalkan



TIMBALAN Menteri di JPM mengetuai perarakan mengelilingi Pekan Belait.

kepada ketua-ketua pasukan dan menyampaikan sijil penyertaan kepada pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.

Persembahan Dikir Marhaban yang dipersembahkan oleh gabungan pegawai-pegawai masjid dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Daerah Belait turut menyerikan perkumpulan pagi tersebut.

Bacaan Doa Selamat dan seruan tiga kali selawat dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Kawasan II, Daerah Belait, Awang Aminorddin bin Haji Mohd Yussof.

Perarakan bermula dari Jalan Sultan dan melalui Jalan Maulana, Jalan Panglima, Jalan Bunga Raya, Jalan Dato Shahbandar dan seterusnya perarakan berakhir di Jalan Sultan.

Semasa pasukan-pasukan perarakan mengelilingi Pekan Belait, Kumpulan Firqah Halawatul Aswat membuat persembahan tausyeh di pentas persembahan.

Turut menyertai perarakan tersebut ialah Pegawai Daerah Belait,

Awang Haji Haris bin Othman; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), ketua-ketua jabatan dan cawangan Jabatan Kerajaan Daerah Belait, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, pengurus-pengurus dan wakil pengurus-pengurus syarikat swasta serta persatuan-persatuan bukan kerajaan.

Tema sambutan tahun ini ialah 'Menghayati Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam'.

Menyentuh mengenai sambutan, penduduk di daerah ini turut melahirkan kegemilangan kerana ia merupakan satu tradisi bagi menzahirkan rasa kecintaan kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Menurut Awang Haji Safar bin Sunggoh, membesarkan hari ini merupakan tanda syukur dan penghargaan di atas jasa yang telah dilakukan oleh Rasulullah.

"Ia juga sebagai ingatan baik dan kenangan manis di atas pengorbanan dan perjuangan Baginda dalam menegakkan ugama Islam kerana

menerusi Baginda inilah manusia menjadi bertamadun dan menjadikan dunia ini aman. Sebagai contoh pada zaman jahiliah, wanita dibunuh dengan sewenang-wenangnya namun dengan kelahiran Baginda telah memperjuangkan hak wanita dan mengangkat martabat mereka yang sehingga kini mempunyai hak yang sama dengan kaum lelaki," jelasnya lagi.

Manakala Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad berkata, sambutan yang diadakan ini adalah sebagai menzahirkan rasa syukur dan menghargai perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam membina Islam sebagai pegangan hidup yang sebaik-baiknya.

Malah sambutan seperti ini tegasnya, perlu diteruskan sampai bila-bila namun pada satu masa format persembahan saja yang perlu berubah untuk menarik lebih ramai umat Islam menyertainya dengan inti patinya yang sama dan tidak berubah.

Rasulullah memberikan sinar baharu kepada umat manusia



ISTERI Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datin Dr. Hajah Asmah binti Haji Morni semasa hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut.

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

KUALA BELAIT, Khamis, 24 Disember. - Allah Subhanahu Wata'ala mengutus Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam semata-mata untuk memberi sinar baru kepada umat manusia seluruhnya.

Menurut penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Dayang Norhayati binti Haji Abd. Rahman,

kehadiran Baginda sebagai penyelamat manusia daripada terus tenggelam di dalam lembah kehinaan, sebagaimana Allah Subhanahu Wata'ala berfirman di dalam Surah Al Ahzab ayat 21 yang tafsirannya : "Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi

orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) Hari Akhirat, serta ia pula menyebut dan banyak mengingati Allah (dalam masa susah dan senang)."

Hal itu antara lain dijelaskan dalam ceramahnya yang bertajuk 'Menghayati Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' pada Majlis Perhimpunan Wanita bagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Belait yang diadakan di Dewan Persidangan.

Tambahnya, tarikh 12 Rabiulawal merupakan tarikh yang terlalu istimewa ia merupakan sejarah yang tidak dapat dilupakan selamalamanya, tarikh itu merupakan kelahiran seorang utusan Allah kepada hamba-hambanya.

Baginda merupakan seorang insan, jelasnya, yang sangat dicintai dan disayangi oleh pengikut-pengikutnya walaupun jarak kita dengan Baginda Rasulullah sudah terlalu jauh, namun itu tidak menghalang untuk kita semua mengenali baginda dengan lebih dekat melalui amalan dan tingkah laku Baginda yang wajar ditauladani.

Beliau mengakhiri ceramah dengan berpesan agar sentiasa berada di landasan yang betul agar sentiasa mentauladani gaya kehidupan

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Lebih 600 wanita yang terdiri daripada pelbagai peringkat usia hadir pada majlis itu.

Acara dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh Guru Kanan Al-Quran Sekolah Ugama Perdana Wazir, Dayang Roslina binti Haji Timbang, yang kemudiannya diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pegawai Pengajian Islam Daerah Belait Selaku Pengerusi Bersama Majlis, Dayang Hazalina binti Dahlan.

Acara diserikan dengan beberapa persembahan bercorak keagamaan yang dipersembahkan oleh guru-

guru ugama, Jabatan Pengajian Islam Daerah Belait, gabungan ahli-ahli Persatuan, Biro-Biro Wanita, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan Muslimah-Muslimah Masjid Daerah Belait.

Hadir selaku tetamu khas, isteri Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datin Dr. Hajah Asmah binti Haji Morni, hadir sama isteri Pegawai Daerah Belait dan ketua-ketua jabatan.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat yang dibacakan oleh Guru Besar Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Omar Ali Saifuddin, Kuala Belait, Dayang Norazimah binti Haji Kahr.



SEBAHAGIAN wanita dari jabatan-jabatan kerajaan yang hadir.

Lebih 4,780 umat Islam sertai Maulud, Daerah Tutong



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit ketika menyertai perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Daerah Tutong (atas dan kanan).

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Khamis, 24 Disember. - Lebih 4,780 rakyat dan penduduk di Daerah Tutong yang beragama Islam menyertai Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah yang bermula dan berakhir di Padang Sekolah Rendah Muda Hashim, di sini.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai. Perhimpunan berkenaan diserikan lagi

dengan alunan zikir daripada belia-belia masjid di daerah berkenaan.

Perhimpunan dan perarakan diketuai oleh tetamu kehormat iaitu Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit.

Terdahulu, Yang Mulia telah diperkenalkan dan menyampaikan sijil kepada peserta yang menyertai perarakan.

Pada tahun ini, seramai 43 buah pasukan menyertai perarakan mengelilingi Pekan Tutong yang sejauh lebih dua kilometer.

Hayati dan amalkan sunnah Rasulullah



ISTERI Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Dayang Anisamawati binti Haji Osman hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perhimpunan Wanita Sempena Sambutan Maulidur Rasul Tahun 1437 Hijrah / 2015 Masihi Peringkat Daerah Tutong.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Khamis, 24 Disember. - Hari Ulang Tahun Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diraikan oleh kaum wanita di Daerah Tutong dengan mengadakan Majlis Perhimpunan Wanita Sempena Sambutan Maulidur Rasul Tahun 1437 Hijrah / 2015 Masihi Peringkat Daerah Tutong di Dewan Kemasyarakatan daerah berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah isteri Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Dayang Anisamawati binti Haji Osman.

Perhimpunan yang dihadiri oleh lebih 600 Muslimah itu dimulai dengan bacaan Zainul Qur'an daripada wakil Muslimah Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel Kampung Kiudang, Tutong, iaitu Dayang Hajah Entan binti Jalli, Dayang Hajah Patmah binti Haji Jaludin dan Dayang Hajah Normah binti Haji Jaludin.

Dalam ucapan alu-aluan Pengerusi Majlis, Dayang Hajah Norhayati binti Haji Sawal dari Jabatan Pengajian Islam (JPI) antara lain menjelaskan, Rasulullah sewajarnya menjadi ikon dan idola untuk setiap umat Islam dan generasi belia sepatutnya, bukan sahaja menghayati tetapi mengamalkan sunnah Rasulullah yang selari dengan maksud dalam Al-Qur'an dalam Surah Al Ahzab ayat 21 yang kira-kira bermaksud : "Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaa) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)."

Beliau juga memetik sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud, "Sesungguhnya bukanlah aku diutus oleh Allah kecuali hanyalah kerana untuk menyempurnakan semula-

semulia akhlak."

"Penghayatan sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam janganlah bermusim, hanya pada setiap kali Sambutan Maulidur Rasul sahaja dengan berselawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Hendaklah secara istiqamah atau berterusan pada setiap detik dan setiap ketika, kita perlu menghayatinya kerana semuliamulia akhlak itu dalah akhlak Rasulullah," tegas beliau.

Tambahnya kita patut menjadikan sirah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai contoh teladan yang sepatutnya dihayati dan seterusnya diamalkan dalam kehidupan seharian kita seperti pergaulan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersama keluarga, dengan para sahabat, orang-orang tua, anak-anak kecil dan sebagainya.



Beliau juga menyarankan ibu bapa supaya mengamalkan gaya hidup dan amalan Baginda dalam kehidupan dan kegiatan seharian serta menerapkan elemen-elemen atau unsur-unsur yang bersifat kerohanian selaras dengan ajaran Baginda dalam jiwa anak-anak sedari kecil, bak kata pepatah, 'melentur buluh biarlah dari rebungnya'.

Sempena tema Maulidur Rasul Tahun ini, iaitu 'Menghayati Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam', satu Ceramah Khas dengan tajuk yang sama telah disampaikan oleh Pegawai Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama,

Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong.

Perhimpunan Wanita itu dihadiri oleh ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan kerajaan, jemputan-jemputan khas, isteri-isteri penghulu dan ketua kampung, ahli-ahli persatuan, Biro Wanita Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan ahli-ahli Muslimah Masjid.

Majlis diserikan dengan bacaan Dikir Marhaban beramai-ramai daripada ahli-ahli Muslimah Kampung Bukit Beruang, Kampung Telisai, Kampung Danau, Kampung Tanjung Maya dan Lubok Pulau serta Kampung Sinaut.



SEBAHAGIAN daripada Muslimah yang hadir pada majlis berkenaan.

25 pasukan sertai perarakan Maulud Daerah Temburong

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
Foto : Hernie Suliana
Haji Othman

TEMBURONG, Khamis, 24 Disember. - Allah Subhanahu Wata'ala memberi penghormatan yang tiada tolak bandingnya dengan meletakkan kedudukan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pada tempat yang tinggi dan amat istimewa di sisi-Nya.

Begitu juga dalam kalangan umat Islam sendiri Baginda amat dikasihi, dicintai, disanjung dan kemuliaan Baginda dipertahankan daripada sebarang unsur penghinaan yang boleh merosakkan nama baik dan imej Baginda.

Kecintaan umat Islam terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sering dizahirkan melalui aktiviti-aktiviti keagamaan yang dianjurkan terutama bila menjelang bulan Rabiulawal, iaitu bulan kelahiran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan pelbagai aktiviti keagamaan antaranya Majlis Dikir 12 malam



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Bagi Daerah Temburong yang dimenangi oleh pasukan Takmir Masjid Pengiran Haji Abu Bakar Kampung Bokok dan Majlis Perundingan Sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Bagi Daerah Temburong.

berturut-turut dan juga Majlis Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diadakan serentak di seluruh negara.

Di Daerah Temburong, majlis sambutan seumpamanya itu telah berlangsung di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis itu ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Atur cara bagi sambutan perhimpunan dan perarakan itu telah bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai dan diikuti dengan persembahan Dikir Marhaban daripada guru-guru sekolah agama Daerah Temburong.

Kemudian diikuti dengan bacaan Doa Selamat dan selawat sebanyak tiga kali dibacakan oleh Imam Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Awang Haji Shafrillah bin Haji Ahmad.

Selepas itu, tetamu kehormat diperkenalkan kepada ketua-ketua pasukan dan seterusnya menyampaikan sijil-sijil penyertaan

kepada pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.

Pada tahun ini, Majlis Perhimpunan dan Perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Daerah Temburong disertai sebanyak 25 buah pasukan yang mengandungi 1,331 orang, terdiri daripada pasukan Kompeni Markas Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB), pasukan Balai Polis Temburong, Jabatan Bomba dan Penyelamat Daerah Temburong, jabatan-jabatan kerajaan, sekolah-sekolah, majlis-majlis perundingan mukim dan kampung, kampung-kampung dan persatuan-persatuan di daerah berkenaan.

Majlis kemudian diikuti dengan perarakan, didahului oleh pasukan tetamu kehormat yang juga disertai oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah; ahli-ahli jawatankuasa dan para jemputan khas serta pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.

Perarakan bermula dan berakhir di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar dengan melalui beberapa kawasan jabatan-jabatan kerajaan dan sekolah-sekolah di Pekan Bangar.

Selepas perarakan itu, tetamu kehormat kemudian menyampaikan hadiah-hadiah Pertandingan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Tempat pertama disandang oleh pasukan Takmir Masjid Pengiran Haji Abu Bakar Kampung Bokok dan Majlis Perundingan Kampung Bokok, manakala pasukan Majlis Perundingan Kampung dan Takmir Rancangan Perpindahan Negara Kampung Rataie menduduki tempat kedua, diikuti tempat ketiga dimiliki oleh pasukan Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong.

Penilaian penghakiman perarakan adalah berdasarkan daripada sudut perbarisan, selawat dan juga cogan kata.



PERARAKAN Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Daerah Temburong menerima penyertaan sebanyak 25 buah pasukan dengan keramaian 1,331 orang pada perhimpunan dan perarakan yang diadakan di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar.

Bina rumah tangga berlandaskan sunnah Rasulullah

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TEMBURONG, Khamis, 24 Disember. - Rumah tangga yang dibina akan mendapat rahmat dan kasih sayang daripada Allah Subhanahu Wata'ala serta akan melahirkan ketenangan dalam kehidupan berkeluarga sekiranya dibina berlandaskan sunnah Rasulullah.

Demikian antara yang terkandung di dalam Ceramah Khas bertajuk 'Menghayati Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' semasa berlangsungnya Perhimpunan Acara Wanita Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1437 Hijrah / 2015 Masihi di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar di sini.

Penceramah undangan dari Bahagian Penyebaran Dakwah, Pusat Da'wah Islamiyah, Dayang Siti Noraziah binti Haji Asli dalam ceramahnya seterusnya menjelaskan perkara-perkara sunnah Baginda itu termasuklah bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala iaitu takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mengikut apa yang diperintahkan oleh Pencipta alam semesta dan menjauhkan segala larangan-Nya.

Katanya lagi, zikrul maut juga merupakan sebahagian daripada

perkara sunnah di mana kita perlu menceritakan kepada keluarga dan anak-anak tentang kematian, menziarahi kubur dan mengiringi jenazah saudara-mara atau sahabat handai yang meninggal dunia ke tanah perkuburan untuk melahirkan rasa insaf dan sedar bahawa setiap manusia akan mati. Oleh itu, umat Islam perlu sentiasa membuat persiapan dengan beramal soleh.

Perkara sunnah itu lagi, jelasnya ialah dengan tilawah Al-Qur'an yang mana dalam kehidupan perlu ada bacaan Al-Qur'an berulung kali setiap hari kerana rumah yang dibacakan Al-Qur'an akan dinaungi oleh malaikat rahmat dan keluarga berkenaan juga akan diberikan sakinah (ketenangan) apabila seisi keluarga sering membaca Al-Qur'an.

Dayang Siti Noraziah seterusnya berkata, solat juga merupakan sebahagian daripada sunnah yang jangan sekali-kali ditinggalkan kerana yang membezakan seorang Muslim dengan bukan Muslim adalah solat fardu, dan umat Islam juga hendaklah memperbanyakkan berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan memohon keselamatan dan kebahagiaan serta kejayaan di dunia dan di akhirat.



ISTERI Timbalan Menteri Pendidikan, Datin Hajah Jamae'ah binti Haji Abdul Manaf bersama jemputan wanita berdirir Marhaban bagi menyemarakkan Majlis Perhimpunan Acara Wanita Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1437 Hijrah / 2015 Masihi di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar.

Selain itu, zikir dan istighfar yang merupakan makanan roh bagi mendapatkan ketenangan hati dan ketenteraman jiwa juga merupakan perkara sunnah bagi melahirkan ketenangan dalam kehidupan berkeluarga, di samping sering mengamalkan bersedekah.

Katanya lagi, perkara sunnah yang juga perlu ada dalam sesebuah rumah tangga ialah kasih sayang di mana dengan niat yang ikhlas dan matlamat yang betul dan bersih untuk mencari keredaan Allah dalam membina rumah tangga yang bahagia, maka Allah akan mengurniakan sakinah (ketenangan), mawaddah (kasih sayang) dan rahmat.

Seramai lebih 400 Muslimah mewakili pegawai dan kakitangan kerajaan, mukim-mukim dan persatuan-persatuan termasuk orang awam telah menghadiri perhimpunan bagi menyemarakkan lagi sambutan di daerah ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah isteri Timbalan Menteri Pendidikan, Datin Hajah Jamae'ah binti Haji Abdul Manaf.

Majlis diserikan dengan persembahan nasyid 'Assolatu A'lanabi' oleh pelajar-pelajar Sekolah Persediaan Arab Temburong dan diakhiri dengan bacaan Dikir Marhaban oleh gabungan Ahli-ahli Jawatankuasa Acara Wanita dan Persatuan Badan

Kebajikan Guru-Guru Ugama Daerah Temburong serta para Muslimah yang hadir.

Perhimpunan penuh berkah ini antara lain bertujuan bagi memperingati kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, memuliakan Baginda dan menzahirkan rasa kesyukuran sebagai umat Baginda.

Dengan adanya perhimpunan seumpama ini diharap akan dapat membawa rasa kecintaan Muslimin / Muslimah kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ke tahap yang lebih tinggi untuk sama-sama memperkasa diri dalam pelbagai aspek.

Majlis Penutup Dikir Maulud

Kementerian Perhubungan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Disember. - Maulud Nabi atau Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan salah satu acara kebesaran yang diraikan oleh umat Islam di negara ini dan merata dunia.



SEBAHAGIAN pegawai dan kakitangan dari Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang hadir pada Majlis Penutup Dikir Maulud.

Bagi sama-sama menyemarakkan lagi sambutan berkenaan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Penutup Dikir Maulud yang diadakan di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), Berakas, di sini.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat hadir selaku

tetamu kehormat majlis.

Juga hadir sama Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta kakitangan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis itu menandakan berakhirnya Dikir Maulud yang telah berlangsung selama 12 malam berturut-turut di Surau LTAB dan di kesemua masjid-masjid dan balai-balai ibadat di negara ini.

Acara terdahulunya dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang kemudian diikuti dengan bacaan dikir-dikir bagi menyemarakkan Hari Keputeraan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Setelah itu, majlis diteruskan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah dan diikuti dengan Majlis Dikir yang kemudiannya disudahi dengan Dikir Marhaban.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Dikir Maulud.

Kementerian Pertahanan

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Disember. - Majlis Penutup Dikir Maulud sempena Memperingati Kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diadakan di Surau Kementerian Pertahanan, di sini.

Acara tersebut menandakan berakhirnya Dikir Maulud yang telah berlangsung selama 12 malam berturut-turut di seluruh surau Perkhemahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bermula pada 12 Disember lalu bersamaan 1 Rabiulawal 1437 Hijrah.

Hadir selaku tetamu kehormat

pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit.

Turut hadir ialah Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah, Ahli-ahli Komiti Eksekutif Pertahanan, Pengarah-Pengarah Tentera dan Awam, pegawai-pegawai serta kakitangan Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Majlis dimulakan dengan bacaan

ayat-ayat suci Al-Qur'an serta Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan diikuti dengan ceramah khas yang bertajuk 'Menghayati Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dr. Haji Mohd. Adi Zaky bin Haji Metassim.

Majlis diteruskan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah dan diakhiri dengan laungan Dikir Marhaban yang diketuai oleh Imam Surau Kementerian Pertahanan, Awang Shuib bin Abdullah.

Majlis Penutup Dikir Maulud 1437H juga diadakan serentak di seluruh Surau Perkhemahan ABDB.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Dikir Maulud di Surau Kementerian Pertahanan.

Pasukan Polis Diraja Brunei



PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Bahrin bin Mohd. Noor semasa hadir pada Majlis Penutup Dikir sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Surau Ibu Pejabat Polis, Gadong.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Disember. - Majlis-majlis dikir bagi memperingati kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diadakan sejak 12 malam berturut-turut di semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara berakhir dengan Majlis Penutup Dikir

Maulud.

Sehubungan itu, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) turut mengadakan Majlis Penutup Dikir Maulud 1437 Hijrah di Surau Ibu Pejabat Polis, Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Bahrin bin

Mohd. Noor dan isteri, Datin Rosminah binti Haji Abd. Hamid.

Turut hadir ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam serta pengarah-pengarah, pegawai pemerintah, pegawai-pegawai PDB dan jemputan-jemputan lain.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah bagi memohon ke hadirat Allah Subhanahu

Wata'ala agar semua warga PDB sentiasa dikurniakan kesihatan untuk melaksanakan tugas mencegah dan membanteras jenayah, selain memohon perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala agar warga pasukan dihindari daripada kecelakaan dan kesukaran dalam menjalankan tugas.

Acara diteruskan dengan penutup dikir yang dimulai dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong dan diteruskan dengan Dikir Assalamualaika dan Dikir Badat.

Ini diikuti dengan Sembahyang

Fardu Isyak Berjemaah dan diteruskan dengan Dikir Asrakal dan doa Penutup Dikir serta bacaan doa selamat, doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh imam surau berkenaan.

Majlis Dikir Maulud bagi PDB telah diadakan selama 12 malam berturut-turut dengan tujuan bagi mengenang jasa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam memperjuangkan syiar Islam sekali gus menyuntik rasa kecintaan kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam kalangan warga PDB.



SUASANA Majlis Penutup Dikir sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Pasukan Polis Diraja Brunei.

Jalur luhur purih Burong Pingai eratkan silaturahmi

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menyampaikan ucapan tamanya pada Majlis Jalinan Luhur Purih Burong Pingai yang berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Disember. - Purih Burong Pingai atau turunan yang bertebaran di luar Brunei itu tentulah kerana adanya semacam kegiatan, aktiviti orang-orang perseorangan, pergerakan individu dari kalangan penduduk berasal dari Kampung Burong Pingai ke wilayah-wilayah Sarawak, khasnya Bintulu pada suatu ketika dahulu.

Tidak ada bukti orang Burong Pingai dalam jumlah bilangan yang ramai meninggalkan kampung halaman mereka ke Sarawak dan membuka perkampungan atau penempatan baharu di Sarawak.

Demikianlah ucapan yang disampaikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman pada Majlis Jalur Luhur Purih Burong Pingai 2015 yang diadakan di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Menurut Yang Berhormat, yang ada ialah sebilangan kecil individu sahaja dengan kegiatan berniaga atau kerana sifat pekerjaan seperti menjadi nakhoda kapal.

“Namun kegiatan itu nyatanya telah menyebabkan perkahwinan antara orang yang mendatang dengan penduduk setempat. Menerusi perkahwinan itulah lahir anak pinak yang kemudiannya berkahwin lagi sama ada dengan sesama *dangsanak setempat* atau dengan orang lain

hingga makin luaslah tebaran turunan mereka itu,” jelasnya.

Yang Berhormat menambah bahawa satu perihai yang penting untuk dicatatkan dalam cerita orang dari Kampung Burong Pingai ke Sarawak ialah mereka itu menjalankan kegiatan berniaga bukan berhijrah.

Bukan berpindah ke Sarawak, katanya, meninggalkan kampung dan sanak saudaranya di Brunei tetapi adalah setakat berulang-alik berniaga.

Pada waktu itu, ujar Yang Berhormat, Brunei diketahui dengan kepandaian bertukang yang mana antaranya ialah tukang tembaga iaitu membuat perkakas dari tembaga seperti periuk, tawak-tawak, gulintangan dan lampu pelita.

“Barang-barang seperti itulah yang dieksport ke Sarawak menerusi peniaga-peniaga yang membawanya ke wilayah-wilayah Sarawak sampai



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

ke pedalaman,” katanya lagi.

Yang Berhormat menyatakan, menurut cerita bahawa sebahagian

besar perkakas-perkakas tembaga lama yang dikira barang antik buatan Brunei masih boleh didapati di Sarawak dan diperniagakan semula ke Brunei dan khabarnya sekarang ini ada di antaranya tersimpan jadi milik Muzium Brunei.

Harapan Yang Berhormat adalah mustahak sekali digerakkan usaha supaya kalangan generasi baru purih Burong Pingai di Brunei dan di Sarawak untuk sama-sama membuat kajian tentang sejarah kita purih-purih Burong Pingai kerana untuk melestarikan sejarah purih-purih kita itu mustahak sekali dikesan salur galurnya, diketahui dengan terang, diyakini dengan pasti.

Antara yang hadir pada majlis itu ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Timbalan Menteri Hal

Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan Penasihat Jawatankuasa Jalinan Luhur Purih Burong Pingai, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Jurulatih Adat Istiadat Diraja Dato Paduka Awang Haji Awang Mashhor bin Haji Metahir.

Lebih 1,700 orang telah menghadiri majlis tersebut di mana lebih 70 *dangsanak* menaiki kereta dari Belaga, 50 *dangsanak* dari Bintulu berzarah ke Brunei, lebih 60 *dangsanak* menaiki kereta konvoi dari Kuching, Sri Aman dan Lingga berkunjung ke Negara Brunei Darussalam.

Majlis bertujuan bagi mengumpulkan dan menyatukan seluruh keluarga purih Burong Pingai bagi saling mengenali dan beramah mesra untuk mengeratkan lagi silaturahmi.



SEBAHAGIAN tetamu yang hadir pada majlis berkenaan (atas, bawah dan bawah sekali).



Penutupan jalan di jambatan Sungai Kilanas

Siaran Akhbar Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, 22 Disember. - Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui Jabatan Jalan Raya memaklumkan bahawa penutupan sepenuhnya jalan di jambatan Sungai Kilanas, Jalan Tutong berdekatan dengan Simpang 981 menghala ke Tutong dan jalan lencongan telah dibuat bagi memudahkan kerja-kerja pembaikan tersebut.

Penutupan sepenuhnya jalan ini adalah disebabkan oleh kerja-kerja pembaikan jambatan yang sedang dilaksanakan pada masa ini hingga kerja-kerja pembaikan selesai.

Oleh itu, pihak JKR ingin mengingatkan orang awam supaya sentiasa berhati-hati dan mematuhi papan tanda jalan raya yang dipasang apabila mendekati kawasan berkenaan.

HALUAN

Dari muka 2

Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada penceramah, yang menyampaikan pengetahuan pakar dalam menyediakan kita pemahaman yang lebih mendalam tentang apa penggunaan sebenar GNSS dan teknologi berkaitan dan mengapa ia penting bagi Kerajaan Brunei dan syarikat-syarikat tempatan Brunei, sama ada peribadi, keluarga yang dikawal atau awam yang

Teknologi GNSS relevan bagi pembangunan negara

disenaraikan, untuk menerima pakai amalan terbaik teknologi antarabangsa. Kepada semua peserta persidangan dan bengkel ini sama ada dari sektor kerajaan dan swasta, marilah kita mengambil kesempatan ini untuk datang bersama-sama meningkatkan pengetahuan kita mengenai teknologi baru untuk menyokong pembangunan negara kita.

Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada penganjur bersama persidangan ini dan kepada semua

peserta atas sokongan mereka dalam membuat persidangan ini berjalan dengan lancar. Saya ingin awda semua terbaik dalam perbincangan awda dalam persidangan dan bengkel ini serta berharap ia akan menjadi usaha yang membuahkan hasil. Untuk tetamu luar negara dan peserta kami, saya berharap awda akan mempunyai masa untuk menikmati keramahan yang ditawarkan di Negara Brunei Darussalam dan mempunyai penginapan yang menyenangkan di Negara Brunei Darussalam.

Saya berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala, semoga persidangan hari ini dan bengkel esok akan memberikan faedah kepada negara kita di rantau ini, dan semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan memberi kita hubungan dan kerjasama semangat yang kuat. Amin..

Dengan kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim* saya rasmikan Persidangan MGA Ke-7, Wabillahir Taufik Walhidayah Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Keharmonian Kampung Pancha Delima, Anggerek Desa

Oleh : Norlia Md. Zain

Foto : Azmah Haji Ahad, Mohd. Mahdi Haji Marsidi



KETUA Kampung Pancha Delima dan Anggerek Desa, Awang Haji Zulkifli bin Haji Awang Ya'akub.

KAMPUNG Pancha Delima dan Anggerek Desa merupakan dua buah kampung yang terletak di Mukim Berakas 'A'. Kedua-dua kampung ini ditadbir oleh Ketua Kampung, Awang Haji Zulkifli bin Haji Awang Ya'akub.

Beliau yang mula dilantik pada 26 Jun 2008 ini juga menjadi Pemangku Ketua Kampung Orang Kaya Besar Imas dan Kampung Pulaie. Sebelum menjawat jawatan sebagai ketua kampung, Awang Haji Zulkifli merupakan bekas Pegawai Waran 1 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Menurut Awang Haji Zulkifli, sebelum ini Kampung Pancha Delima hanyalah dinamakan Kampung Delima dan perkataan 'Pancha'



PUSAT Kesihatan Berakas 'A' adalah kemudahan yang disediakan bagi kegunaan penduduk Kampung Pancha Delima, Anggerek Desa dan sekitarnya.



BANGUNAN Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam.



STESEN Minyak Shell TAIB Delima antara kemudahan yang digunakan oleh para penduduk Kampung Pancha Delima, Anggerek Desa dan sekitarnya.



SEKOLAH Rendah Anggerek Desa kemudahan bagi murid-murid Kampung Pancha Delima dan Anggerek Desa.



BANGUNAN Pusat Inovasi iCentre.



BEBERAPA papan tanda menuju bangunan-bangunan kerajaan iaitu klinik dan bangunan Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam dan Taman Industri Teknologi Anggerek Desa.

dibubuh pada sekitar tahun 1967 ke 1968.

Majoriti penduduk Kampung Pancha Delima terdiri daripada puak Melayu Brunei yang berasal dari Kampong Ayer iaitu Kampung Sumbiling Lama dan Kampung Sultan Lama. Mereka mula menetap di situ sekitar tahun 1958.

Kampung Pancha Delima mempunyai 1,478 penduduk yang

terdiri daripada 764 orang lelaki dan 714 perempuan. Sebanyak 123 buah rumah yang terdapat di kampung ini.

Sementara Kampung Anggerek Desa pula, dikatakan nama 'Anggerek Desa' itu diberikan oleh Allahyarham Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Haji Damit bin Pengiran Haji Sunggoh yang mana Allahyarham merupakan ketua kampung pertama yang dilantik oleh kerajaan bagi



SUASANA Jalan Anggerek Desa.



BANGUNAN Hub Ilmu (KHUB).



BANGUNAN D&T Untuk Inovasi dan Kreativiti.

di kampung tersebut. Kampung itu mempunyai 1,954 penduduk yang terdiri daripada 987 lelaki dan 967 perempuan. Sebanyak 188 buah rumah persendirian dan 26 buah bangunan kerajaan termasuk secara berasingan dan flat.

Di Kampung Anggerek Desa, beberapa bangunan di sini sering menjadi tumpuan para usahawan muda yang menjadi pemilik syarikat permulaan (*start-ups*) menimba ilmu pengetahuan. Di sinilah terletaknya Anggerek Desa Tech Park antaranya Bangunan D&T Untuk Inovasi dan Kreativiti di bawah LKEB, Pusat Inovasi iCentre, Hub Ilmu dan sebagainya.

Kebanyakan penduduk Kampung Pancha Delima dan Anggerek Desa bekerja di sektor kerajaan dan swasta serta persendirian. Pihak kerajaan sememangnya prihatin terhadap kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini yang mana semua kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan telefon dapat dinikmati menjadikan taraf hidup penduduk Kampung Pancha Delima dan Anggerek Desa sangat baik. Untuk kedua-dua kampung ini, seramai 155 orang menerima pensyen tua, 27 penerima bantuan dari Jabatan Pembangunan Masyarakat, tiga orang penerima bantuan fakir miskin, tiga orang anak yatim, lima orang muallaf dan 14 orang-orang cacat dan kurang upaya.

Bagi menjamin keselamatan penduduk setempat, pada 10 September 2015 Pengawasan Kejiranan Kampung Pancha Delima, Kampung Anggerek Desa dan Kampung Orang Kaya Besar Imas, telah mengadakan rondaan di kawasan kampung-kampung berkenaan dengan melibatkan 11 anggota polis dan 21 penduduk kampung.

Berangkat menyemarakkan Sambutan Maulud Nabi



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyertai perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel (atas dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada para peserta yang menyertai perhimpunan dan perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam (kiri dan kanan).



SEBAHAGIAN Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan jemputan khas yang hadir.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1437H ketika menyembahkan sembah alu-aluan.



Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Masri Osman, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Muhammad Asri Haji Awang Abas



KEBAWAH DYMM berkenan menerima junjung ziarah daripada para peserta.



KEBAWAH DYMM berkenan merakamkan gambar kenang-kenangan bersama para peserta yang menyertai perhimpunan dan perarakan berkenaan.



PASUKAN beruniform turut hadir memeriahkan perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam (kiri dan kanan).



KURANG upaya tidak menghalang peserta ini daripada menyertai perarakan.



SEBAHAGIAN pasukan yang menyertai perarakan yang bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara.



TEMBAKAN meriam sebanyak 21 das dilepaskan sebaik sahaja persembahan Dikir Marhaban sampai kepada 'Ya Habibi'.

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Masri Osman,
Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali,
Muhammad Asri Haji Awang Abas



PASUKAN-PASUKAN beruniform antara pasukan yang juga turut serta dalam perhimpunan dan perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



ORANG ramai yang mengikuti dan menyemarakkan perarakan sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



WARGA orang kurang upaya turut menyertai perhimpunan dan perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



ANTARA peserta yang mewakili setiap jabatan mahupun swasta yang menyertai perarakan sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam (atas, bawah dan bawah kanan).



PESERTA dari Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah merakamkan gambar kenangan sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Terapkan sunnah Rasulullah dalam kehidupan seharian

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Disember. - Perhimpunan dan Perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1437 Hijrah yang disertai hampir 12 ribu orang sambil melaukan pujian dan selawat ke atas Rasulullah membentuk perpaduan dan keukhuwan dalam kalangan umat Islam di negara ini.

Pendekatan Pelita Brunei bersama beberapa peserta, Awang Mohd. Hazreen bin Pateh Dato Paduka Awang Haji Masri yang menyertai rombongan daripada Persatuan Angkatan Kampung Setia (AKSE) bersyukur kerana berpeluang lagi ikut serta dalam perarakan dan melalui acara seumpama itu juga dapat mengenang sejarah pengorbanan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam mengembangkan

syiar Islam ke serata dunia.

Beliau berusia 32 tahun menjelaskan, amat bersesuaian terutama ke arah mendidik dan membimbing masyarakat umat Islam di era global yang serba mencabar sekarang ini.

Sementara itu, salah seorang sukarelawan pasukan Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Awang Bolhassan bin Haji Abu Bakar berkata, sebagai rakyat dan penduduk di negara ini, kita seharusnya saling bekerjasama merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Sebagai sebuah Negara Zikir, tambahnya, kita dianjurkan agar sentiasa berselawat ke atas Rasulullah

setiap masa lebih-lebih lagi dalam memperingati Hari Keputeraan Baginda agar kita mendapat ganjaran yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain bersumberkan Al-Qur'an dan Hadis, tambahnya, tema yang membawa pengertian sunnah Rasulullah itu yang membawa maksud dalam semua aspek seharusnya kita terapkan dalam kehidupan seharian agar menjadi penyuluh ke jalan yang benar.

Golongan mereka yang kurang berupaya juga tidak ketinggalan untuk sama-sama menyemarakkan sambutan saban tahun yang diadakan ini.

Walaupun berkerusi roda namun ia bukan penghalang bagi Awang Jamain bin Haji Md. Zain, 59, yang berasal dari Kampung Pancha Delima untuk turut sama melibatkan diri.

Beliau yang mengikuti Persatuan PAPDA berkata, persatuan itu mula menyertai hari-hari kebesaran

di negara ini termasuk Maulud Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sejak ia mula ditubuhkan pada tahun 1986.

Jelas terbukti bahawa golongan

sedemikian tidak dipinggirkan malah semangat mereka berkobar-kobar untuk berkongsi detik kegembiraan bersama mereka yang lain.



AWANG Jamain bin Haji Md. Zain.



AWANG Mohd. Hazreen bin Pateh Dato Paduka Awang Haji Masri.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

UNTUK MENGETAHUI DENGAN LEBIH LANJUT SYARAT-SYARAT KELAYAKAN DAN TUGAS-TUGAS SERTA TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN BERKENAAN SILA LAYARI www.recruitment.gov.bn

Syarat-Syarat Am:

- Pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon adalah dipelawa daripada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian atau jabatan-jabatan kerajaan sahaja (Bagi iklan menggunakan Peraturan 38 sahaja).
- Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara begilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.
- Cara permohonan- rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

PERATURAN 7(a)	MAKLUMAN PEMBETULAN
----------------	---------------------

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH TUTUP: 09 JANUARI 2016

Dengan ini adalah dimaklumkan bahawa iklan yang tersebut dibawah keluaran 23.12.2015 tarikh tutup 13.01.2016 adalah diperbetulkan seperti berikut :-

1. KERANI TEKNIKAL TINGKAT III D.1-2-3 EB.4-5 BAHAGIAN IV BAHAGIAN BANGUNAN DAN PEMELIHARAAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA KEKOSONGAN = 1	2. NELAYAN E.1-2-3 EB.4 BAHAGIAN V JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA KEKOSONGAN = 1	1. PENYELIA PEJABAT C.1-2 EB.3 BAHAGIAN III JABATAN-JABATAN KERAJAAN KEKOSONGAN = 3
--	--	---

PEMBERITAHUAN

PERUBAHAN TATACARA PENERBITAN IKLAN BAGI PERATURAN 7(A), 38(A) DAN 38(B)

Mulai daripada 04 Mac 2015, pengiklanan jawatan kosong sama ada melalui Peraturan 7(A), 38(A) dan 38(B) akan diiklankan secara serentak dan dikeluarkan 3 kali seminggu iaitu pada setiap hari Isnin, Rabu dan Sabtu.

TATACARA PERMOHONAN BAGI ORANG RAMAI DAN WARGA PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:

Penggunaan kali pertama:

- Semua pemohon hendaklah mempunyai akaun e-Darussalam. Bagi yang belum mempunyai akaun, hendaklah mendaftar akaun e-Darussalam di www.gov.bn. Setelah mendapatkan *username* dan *password* akaun e-Darussalam, pemohon bolehlah mendaftar masuk ke Portal PSC Recruitment.
- Sila pastikan awda memasukkan e-mel yang betul dan aktif semasa membuat pengesahan di PSC Recruitment.
- Melengkapkan ruangan 'Profil Saya' (*My Profile*) dan memuatnaik siji-siji atau dokumen-dokumen dalam format pdf mengikut peringkat kelulusan atau jenis dokumen.

Penggunaan Seterusnya:

- Awda boleh mengemaskini profil awda pada bila-bila masa, jika perlu.
- Untuk melihat jawatan yang diiklankan awda boleh memilih 'Carian Pekerjaan' (*Search Job*) atau lihat jawatan 'Atas 5 Kekosongan' (*Top 5 Vacancies*) atau klik 'Carian Lanjutan' (*Advance Search*) dan bagi membuat permohonan klik 'Pohon' (*Apply*).
- Panggilan ujian, temuduga atau keputusan permohonan akan dihantar ke e-mel awda melalui PSC Recruitment.
- Permohonan yang DIHADAPKAN SELEPAS tarikh tutup iklan tidak akan dilayan.**

Maklumat Tambahan:

- Semua kelulusan, siji-siji kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah **diiktiraf** oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (selepas ini dipanggil Kerajaan).
- Kepujian (kredit) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa hendaklah diperolehi dalam tempoh **dua (2) tahun berturut-turut**.
- Kemudahan Komputer dan Mesin Imbas (*Scanner*) ada disediakan bagi kegunaan orang ramai seperti berikut:-
 - Pejabat Daerah Belait;
 - Pejabat Daerah Temburong.
 - Jabatan Bandaran Daerah Tutong.

PERINGATAN TAMBAHAN KEPADA WARGA PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:

- Sentiasa memastikan maklumat awda di dalam Rekod Perkhidmatan GEMS adalah tepat dan terkini.
- Permohonan yang telah dihadapkan akan disalurkan terlebih dahulu secara *online* kepada Pegawai Penghubung atau PoC Kementerian / Jabatan masing-masing.
- Laporan Sulit mengenai peribadi, mutu kerja pemohon dan sebagainya hendaklah dimuatnaik oleh PoC ke dalam Portal PSC Recruitment.
- Bagi Pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.
- Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun, hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** selama tempoh perkhidmatannya.

SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI:

PSC RECRUITMENT: TALIAN E-DARUSSALAM DI TALIAN 123 ATAU E-MEL info@123.com.bn

E-DARUSSALAM: TALIAN E-DARUSSALAM DI TALIAN 123 ATAU E-MEL info@123.com.bn

GEMS: +6732382407 ATAU E-MEL gems.helpdesk@psd.gov.bn

UNTUK MEMBACA MAKLUMAN ATAU SOALAN LAZIM SILA LAYARI: www.spa.gov.bn , recruitment.gov.bn & FACEBOOK Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam-Brunei



**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

KENYATAAN TAWARAN

**TAJUK :
PROPOSED EXTENSION OF
TAMU GADONG**

**BILANGAN TAWARAN :
JBBSB/TEN/PRO/06/2015**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :
SELASA, 12 JANUARI 2016
(jam 2.00 Petang)**

Syarat-Syarat Tawaran :

i. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa

untuk disertai oleh syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam yang bereputasi dalam mengendalikan bidang *enterpreneurial hospitality* atau bidang lain yang berkaitan dengannya.

ii. Tawaran-tawaran hendaklah dibuat dalam **dua (2) salinan** dan dihantar dalam sampul surat tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis **bilangan tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pengirim.**

iii. Tawaran-tawaran hendaklah disertakan salinan Pendaftaran Syarikat, Salinan Sijil Perniagaan yang mempunyai Kelas III/IV Ke

Atas dan salinan kad pengenalan pemilik / pemilik-pemilik atau pemegang / pemegang-pemegang saham syarikat.

iv. Bayaran **BND150.00 (BRUNEI RINGGIT SERATUS LIMA PULUH sahaja)** secara tunai bagi setiap dokumen untuk yuran dokumen tawaran dan pentadbiran (tidak dikembalikan).

v. Bayaran dokumen tawaran hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Tingkat 3, Jalan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam pada waktu-waktu pejabat dibuka.

vi. Borang tawaran bolehlah didapati dari **Unit Perancangan dan Pembangunan Projek, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Tingkat 5, Bangunan Pusat Komersial dan Perdagangan Bumiputera,**

Jalan Cator, Bandar Seri Begawan pada waktu-waktu pejabat dibuka.

vii. Tawaran-tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN** bertempat di **Tingkat 1, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, BSB8610, Negara Brunei Darussalam** tidak lewat pada tarikh tutup tawaran hari **Selasa, 12 Januari 2016, jam 2.00 Petang.**

viii. Mana-mana tawaran yang **diterima selepas tarikh tutup tawaran tidak akan dilayan.**

ix. Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus ke Unit Perancangan Projek dan Perkembangan di alamat di atas atau melalui talian telefon **2244151 sambungan 120 / 111 / 222 dan 555.**



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DALAM
KELAS : III, IV & V
KATEGORI : B01 / KPB02 / KPB11 SAHAJA**

**Tarikh akhir mengambil dokumen tawaran pada :
Hari Isnin, 4 Januari 2016**

Tarikh Tutup : 12 Januari 2016 (Selasa)

Bilangan Tawaran : KHEDN/LTK/2015-02

Tajuk Projek :

**KONTREK PANGGAL (24 BULAN) KERJA-KERJA PEMBERSIHAN BANGUNAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI, JALAN JAMES PEARCE,
BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI DARUSSALAM. (JKR NO. 3)**

Bilangan Projek : KHEDN/BPE/B00405-01

Yuran Tawaran : BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

JEMPUTAN TAWARAN

Bilangan Tawaran : KHEDN/LTK/2015-02

**TERM CONTRACT (24 MONTHS) FOR CLEANING WORKS TO MINISTRY OF
HOME AFFAIRS BUILDING, JALAN JAMES PEARCE, BANDAR SERI BEGAWAN,
BRUNEI DARUSSALAM (JKR NO. 3)**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berkelayakan dalam **kerja-kerja pembersihan** yang berdaftar di dalam **Kelas II & III di bawah kategori S02 sahaja.**

2. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan Nama & Bilangan Tawaran, Tarikh Tutup dan Kepada ditujukan tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/ pemborong dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

3. Tawaran hendaklah dimasukkan di dalam **Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri** dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Tingkat 1, Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri, Jalan James Pearce
Bandar Seri Begawan BS8610,
Negara Brunei Darussalam.**

4. Tarikh tawaran tutup pada **12 Januari 2016 hari Selasa tidak lewat jam 2.00 Petang.** Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

5. Tawaran mestilah disertakan bersama dengan salinan **Pendaftaran Syarikat dan salinan Sijil Perniagaan (Business Enactment Act Section 16 & 17).**

6. Bayaran penyertaan Tawaran hendaklah dijelaskan terlebih dahulu di **Bahagian Pengawasan Hiburan Awam dan Penerbitan, Tingkat 3, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jalan James Pearce, BSB BS8610** sebanyak **BND30.00 (Tiga Puluh Ringgit sahaja)** tidak dikembalikan.

7. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah didapati daripada **Bahagian Pengurusan Estet, Tingkat 1, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan BS8610** dan tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada **4 Januari 2016 jam 2.30 Petang.**

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima mana-mana tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.



**JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan dan hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup (*sealed*). Pada bahagian atau sampul surat tersebut hendaklah ditulis Bilangan Tawaran dan nama Tawaran sepertimana yang diklankan tanpa menunjukkan identiti pemborong dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di alamat berikut:-

**PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
TINGKAT 1, JALAN JAMES PEARCE
BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BS8610.**

3. Tawaran tersebut hendaklah dihadapkan **tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada hari Selasa, 19 Januari 2016.** Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

4. Borang-Borang tawaran bolehlah diperolehi di **Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat, Jabatan Penjara, Jalan Jerudong BG 3122, Negara Brunei Darussalam.**

5. Yuran Tawaran (*Tender Fee*) dikehendaki dibuat dengan WANG TUNAI sahaja dan tidak dikembalikan. Pembayaran hendaklah dibayar di **Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat, Jabatan**

Penjara, Jalan Jerudong BG 3122, Negara Brunei Darussalam semasa waktu-waktu bekerja.

6. Setiap borang tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan dengan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan, salinan Resit Pembayaran Dokumen Tawaran, salinan Kad Pengenalan (Kad Pengenalan negeri asal / Brunei atau passport), Borang Pengakuan (Declaration Form), Borang Senarai Pemilik Syarikat, Senarai Projek yang sedang dan telah dilaksanakan dan Senarai Nama Pekerja Tempatan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran.

**BILANGAN TAWARAN KETERANGAN
YURAN TAWARAN TARIKH TUTUP
DAN WAKTU**

**JPB/5/2015
MEMBEKALKAN CATUAN MAKANAN BAGI PENJARA WANITA JERUDONG
BND30.00
Hari Selasa
19 Januari 2016
(tidak lewat dari Jam 2.00 petang)**

**WAKTU-WAKTU MENERIMA / MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN
ISNIN - KHAMIS 8.00 PAGI HINGGA 11.30 PAGI
1.30 PETANG HINGGA 3.00 PETANG
HARI SABTU
8.00 PAGI HINGGA 10.00 PAGI**



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali mempelawa pemohon-pemohon yang berkeelayakan dan bersesuaian untuk memohon jawatan-jawatan akademik seperti berikut :

JAWATAN :

Profesor (PT5/PT5A) /
Profesor Madya (PT4) /
Penolong Kanan Profesor (PT3) /
Penolong Professor (PT2/PT2A) /
Pensyarah (PT1A)

TANGGAGAJI :

PT5 (\$8,000 - EBKhas \$8,210 / PT5A (\$9,500 - \$9,750 - EBKhas \$10,000)
PT4 (\$6,800 - EBKhas \$7,010)
PT3 (\$5,900 - EBKhas \$6,110)
PT2 (\$3,880 - \$4,360 EBKhas \$4,480 - \$4,960) / PT2A (\$4,480 - \$5,400 EBKhas \$5,610)
PT1A (\$3,190 - \$3,300 - \$3,410 - \$3,520 - \$3,640 - \$3,750 EBKhas \$3,880 - \$4,240)

KOD JAWATAN :

UNISSA/AKA/LOC/002/2015-2016

BIDANG : Teaching Arabic as A Second Language (TASL), Pengajian Linguistik, Terjemahan, Sejarah dan Tamadun Islam, Ekonomi, Perakaunan Kewangan, Pengurusan Perniagaan, Ekonomi Islam, Perbankan Islam dan Pemasaran Kewangan, Pengurusan Perbankan, Pengurusan Sumber Tenaga Manusia, Sains Halal, Undang-Undang Islam dan Sivil, Perbandingan Undang-Undang, Fiqh dan Usul fiqh, Qadha Syarie, Mazhab Shafi'i, Comparative Jurisprudence (Fiqh Muqaran), Tafsir, Hadis, Al-Quran dan Qiraat, Dakwah, Aqidah Islam, Perbandingan Agama, Firqah Islamiyyah, Teaching English as A second Language (TESL), Informasi, Komunikasi dan Teknologi (ICT), Melayu Islam Beraja (MIB)

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

Bagi Tanggagaji PT5

a) i. Sebagai keperluan utama, mempunyai Ijazah Sarjana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat distinction sebagai kelebihan) DAN Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) atau yang sebanding dalam bidang yang bersesuaian dari universiti / fakulti universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan terkemuka sebagai kelebihan. Mempunyai kelulusan dan pengalaman dalam bidang yang bersesuaian.

Bagi yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana, keperluan adalah tertakluk kepada tahap Ijazah Sarjana Muda (kelas pertama sebagai kelebihan) dari universiti / fakulti universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan di mana calon menjalani kursus Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) dan kualiti pencapaian Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D).

ii. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dan telah ditetapkan dalam jawatan Profesor Madya dalam tanggagaji PT4 selama tidak kurang dari tiga (3) tahun; memenuhi petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah ditetapkan untuk jawatan ini dari segi pengajaran, penyelidikan, penerbitan buku-buku akademik, sumbangan di dalam jurnal berwasit (*refereed journal*), pentadbiran,

penyeliaan tesis Ijazah Sarjana dan/atau Ijazah Falsafah Kedoktoran, perkhidmatan kepada masyarakat dan lulus penilaian bagi jawatan ini oleh panel dalaman dan panel bebas.

Bagi Tanggagaji PT5A

b) i. Sebagai keperluan utama, mempunyai Ijazah Sarjana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat distinction sebagai kelebihan) DAN Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) atau yang sebanding dalam bidang yang bersesuaian dari universiti / fakulti universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan terkemuka sebagai kelebihan. Mempunyai kelulusan dan pengalaman dalam bidang yang bersesuaian.

Bagi yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana, keperluan adalah tertakluk kepada tahap Ijazah Sarjana Muda (kelas pertama sebagai kelebihan) dari universiti / fakulti universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan di mana calon menjalani kursus Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) dan kualiti pencapaian Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D).

ii. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dan telah ditetapkan dalam jawatan Profesor dalam tanggagaji PT5 selama tidak kurang dari tiga (3) tahun; memenuhi petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah ditetapkan untuk jawatan ini dari segi pengajaran, penyelidikan, penerbitan buku-buku akademik, sumbangan di dalam jurnal berwasit (*refereed journal*), pentadbiran, penyediaan tesis Ijazah Sarjana dan/atau Ijazah Falsafah Kedoktoran, perkhidmatan kepada masyarakat dan dapat meningkatkan reputasi penerbitan buku-buku akademik yang diiktiraf dan mempunyai citation tinggi di kalangan akademia antarabangsa.

ATAU

Memenuhi kriteria-kriteria berikut (bagi tanggagaji PT5 dan PT5A) :

- Mempunyai pengalaman yang cukup lama sebagai tenaga akademik di Pusat-Pusat Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan dan memegang jawatan terkini sebagai Profesor atau jawatan sebanding bagi tempoh yang bersesuaian;

- Mempunyai rekod dan reputasi cemerlang dalam pengajaran dan penyelidikan di dalam tempoh yang lama;

- Telah memegang jawatan Profesor atau jawatan sebanding bagi tempoh yang bersesuaian;

- Mencapai reputasi antarabangsa melalui penghasilan tulisan-tulisan akademik yang diterbitkan di dalam jurnal berwasit atau sumbangan bab atau chapter di dalam buku-buku akademik DAN menghasilkan banyak buku-buku akademik yang telah mendapat pengiktirafan dan citation tinggi di kalangan akademia antarabangsa, khususnya didalam bidang pengkhususan yang diperlukan;

- Mempunyai reputasi penyediaan tesis Ijazah Sarjana dan/atau Ijazah Falsafah Kedoktoran yang berjaya;

- Terkemuka di kalangan akademik antarabangsa sebagai pembentang kertas-kertas akademik dalam bidangnya;

- Mempunyai kapasiti untuk meneruskan bidang-bidang penyelidikannya di Pusat Pengajian Tinggi yang dipohonkannya untuk

berkhidmat.

- c) Berkeupayaan untuk memberi kepimpinan akademik dan mentor kepada warga fakulti yang muda lebih-lebih lagi di dalam penyelidikan.

- d) Dapat mengangkat imej dan prestasi Pusat Pengajian Tinggi di masyarakat akademik antarabangsa dan bereputasi tinggi didalam menyumbang perkhidmatan kepada masyarakat umum melalui kepakarannya.

- e) Progresif dan berkapasiti tinggi didalam pengurusan dan pentadbiran akademik didalam menyumbang kepada kemantapan integriti Pusat Pengajian Tinggi.

- f) Mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

Bagi Tanggagaji PT4

a) i. Sebagai keperluan utama, mempunyai Ijazah Sarjana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat distinction sebagai kelebihan) DAN Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) atau yang sebanding dalam bidang yang bersesuaian dari universiti / fakulti universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan terkemuka sebagai kelebihan. Mempunyai kelulusan dan pengalaman dalam bidang dalam bidang yang bersesuaian.

ii. Bagi yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana, keperluan adalah tertakluk kepada tahap Ijazah Sarjana Muda (kelas pertama sebagai kelebihan) dari universiti / fakulti universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan di mana calon menjalani kursus Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) dan kualiti pencapaian Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D).

a) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dan telah ditetapkan dalam jawatan Penolong Kanan Profesor dalam tanggagaji PT3 selama tidak kurang dari tiga (3) tahun; memenuhi petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah ditetapkan untuk jawatan ini dari segi pengajaran, penyelidikan, penerbitan buku-buku akademik, sumbangan di dalam jurnal berwasit (*refereed journal*), pentadbiran, penyediaan tesis Ijazah Sarjana dan/atau Ijazah Falsafah Kedoktoran, perkhidmatan kepada masyarakat dan lulus penilaian bagi jawatan ini oleh panel dalaman dan panel bebas.

ATAU

Memenuhi kriteria-kriteria berikut :

- Mempunyai pengalaman yang cukup lama sebagai tenaga akademik di Pusat-Pusat Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan dan memegang jawatan yang sebanding dengannya;

- Mempunyai rekod dan reputasi cemerlang dalam pengajaran dan penyelidikan;

- Telah memegang jawatan yang sebanding dengannya bagi tempoh yang bersesuaian;

- Didalam penyelidikan TELAH menghasilkan tulisan-tulisan akademik yang diterbitkan didalam jurnal berwasit (*refereed journal*) atau sumbangan bab atau chapter di dalam buku-buku akademik DAN menghasilkan buku-buku akademik yang telah mendapat pengiktirafan dan penilaian akademik.

- Membuat penyediaan tesis Ijazah Sarjana secara konsisten;

- Menghasilkan kertas-kertas akademik bagi seminar / persidangan serantau / antarabangsa yang bertaraf tinggi

- b) Selain dari kecemerlangan di dalam pengajaran dan penyelidikan, juga

membuktikan kebolehan didalam pengurusan Jabatan atau Fakulti didalam jawatan seperti Ketua Jabatan atau Dekan atau Timbalan Dekan.

- c) Mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi ditahap sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

Bagi Tanggagaji PT3

a) i. Sebagai keperluan utama, mempunyai Ijazah Sarjana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat distinction sebagai kelebihan) DAN Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) atau yang sebanding dalam bidang yang bersesuaian dari universiti / fakulti universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan terkemuka sebagai kelebihan.

Bagi yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana, keperluan adalah tertakluk kepada tahap Ijazah Sarjana Muda (kelas pertama sebagai kelebihan) dari universiti / fakulti universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan di mana calon menjalani kursus Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) dan kualiti pencapaian Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D).

b) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dan telah ditetapkan dalam jawatan Penolong Profesor dalam tanggagaji PT2 selama tidak kurang dari tujuh (7) tahun atau dalam jawatan Penolong Profesor dalam tanggagaji PT2A selama tidak kurang dari empat (4) tahun.

ATAU

Memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut :

- Mempunyai pengalaman yang cukup lama sebagai tenaga akademik di Pusat-Pusat Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan dan memegang jawatan yang sebanding dengannya;

- Mempunyai rekod cemerlang dalam pengajaran dan penyelidikan;

- Telah memegang jawatan yang sebanding dengannya bagi tempoh yang bersesuaian;

- Dibidang penyelidikan TELAH MULA menghasilkan tulisan-tulisan akademik hasil dari penyelidikan yang telah diterbitkan di dalam jurnal berwasit atau sumbangan bab di dalam buku-buku akademik dan menghasilkan banyak kertas-kertas akademik bagi seminar / persidangan serantau/antarabangsa atau menerbitkan buku akademik;

- Pernah membuat penyediaan tesis Ijazah Sarjana sebagai satu kelebihan;

- c) Mencapai kecemerlangan di dalam pengajaran dan penyelidikan, progresif didalam penulisan akademik untuk penerbitan di dalam jurnal berwasit, sumbangan bab di dalam buku akademik, penerbitan buku, seminar dan persidangan akademik serantau atau antarabangsa dan menyelia tesis penuntut-penuntut Sarjana.

- d) Menunjukkan reputasi yang terus meningkat didalam bidang pengkhususannya melalui sumbangan konsisten didalam jurnal, buku, seminar, persidangan, pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan kepada masyarakat umum.

- e) Di samping kecemerlangan akademik, juga menunjukkan kapasiti tinggi didalam pentadbiran diperingkat Jabatan atau Fakulti atau Pusat.

- f) Mestilah mempunyai Laporan Prestasi sekurang-kurangnya ditahap yang SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

Ke muka 18

Dari muka 17**Bagi Tanggagaji PT2A**

a) i. Sebagai keperluan utama, mempunyai Ijazah Sarjana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat distinction sebagai kelebihan) DAN Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) atau yang sebanding dalam bidang yang bersesuaian dari universiti / fakulti universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan terkemuka sebagai kelebihan.

Bagi yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana, keperluan adalah tertakluk kepada tahap Ijazah Sarjana Muda (kelas pertama sebagai kelebihan) dari universiti / fakulti universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan di mana calon menjalani kursus Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) dan kualiti pencapaian Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D).

ii. Memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut :

- Mempunyai pengalaman yang cukup lama sebagai tenaga akademik di Pusat-Pusat Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan

dan memegang atau telah memegang jawatan yang sebanding dengan jawatan ini;

- Mempunyai rekod cemerlang dalam pengajaran dan penyelidikan;

- Telah memegang jawatan yang sebanding dengannya bagi tempoh yang bersesuaian;

- Dibidang penyelidikan TELAH MULA menghasilkan tulisan-tulisan akademik hasil dari penyelidikan yang telah diterbitkan di dalam jurnal berwasit atau sumbangan bab di dalam buku-buku akademik dan menghasilkan banyak kertas-kertas akademik bagi seminar / persidangan serantau / antarabangsa atau menerbitkan buku akademik;

- Pernah membuat penyeliaan tesis Ijazah Sarjana sebagai satu kelebihan;

- Menghasilkan kertas-kertas akademik bagi seminar / persidangan serantau / antarabangsa yang bertaraf tinggi;

- Pernah memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan atau Penolong Ketua Jabatan atau Penolong Dekan atau dalam jawatan berkaitan dengan rekod prestasi sekurang-kurangnya sangat baik sebagai satu kelebihan.

- b) Berumur tidak melebihi 40 tahun adalah satu kelebihan.

- c) Mestilah mempunyai Laporan Prestasi sekurang-kurangnya ditahap yang SANGAT

BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

Bagi Tanggagaji PT1A

a) i. Sebagai keperluan utama, meslilah mempunyai Ijazah Sarjana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat distinction sebagai kelebihan) DAN Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph'D) atau yang sebanding dari universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan terkemuka sebagai kelebihan.

ii. Bagi yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana, keperluan adalah tertakluk kepada tahap Ijazah Sarjana Muda (kelas pertama sebagai kelebihan) dari universiti / fakulti universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan di mana calon menjalani kursus Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) dan kualiti pencapaian Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D). Mempunyai kelulusan yang relevan dan bersesuaian. Mempunyai minat untuk mengajar dan membuat penyelidikan. Berumur tidak melebihi 35 tahun adalah merupakan satu kelebihan.

KEMUDAHAN ELAUN DAN TATACARA PERMOHONAN :**Elaun-elaun akademik:-**

Profesor : B\$ 800.00 sebulan
 Profesor Madya : B\$ 400.00 sebulan
 Penolong Kanan Profesor : B\$ 300.00 sebulan
 Penolong Profesor : B\$ 250.00 sebulan
 Pensyarah : B\$ 200.00 sebulan

Tatacara permohonan:-

Borang permohonan bolehlah diperolehi dari laman sesawang : www.unissa.edu.bn. Borang yang telah lengkap diisikan bersama dengan salinan dokumen-dokumen yang berkaitan hendaklah dihantar kepada :-

Pendaftar

Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Jalan Pasar Baharu, Gadong BE1310
Brunei Darussalam.
(U.P: Bahagian Perjawatan)

Permohonan hendaklah sampai ke Universiti Islam Sultan Sharif Ali **tidak lewat pada 18 Januari 2016**. Hanya calon-calon yang disenaraipendek sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.

**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali mempelawa pemohon-pemohon yang berkelayakan untuk memohon jawatan kosong seperti berikut :

Jawatan : Kerani Kewangan
(Tabung, Universiti Islam Sultan Sharif Ali)

Syarat-Syarat Kelayakan :

1. Terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.
2. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
3. Sekurang-kurangnya lulus dengan kepujian/kredit dalam empat (4) mata pelajaran termasuk Simpan Kira (*Accounting*) atau *Principles of Accounts* atau Ekonomi (*Economics*) atau Perdagangan (*Commerce*) dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa (BGCE 'O' Level) atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
4. Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja perakaunan dan kewangan adalah satu keutamaan. Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.
5. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik. Berkemampuan bertutur dan menulis dalam Bahasa Arab dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

Tugas dan Tanggungjawab :

- Memproses dan menyediakan penyata, tuntutan dan persuratan yang berkaitan dengan urusan Tabung UNISSA.
- Membantu mengurus penerimaan dan penyimpanan hasil Tabung UNISSA.
- Mendata aliran kemasukan dan pengeluaran akaun Tabung UNISSA.
- Membantu menyediakan laporan dan penyata kewangan Tabung UNISSA menggunakan

sistem/perisian yang berkenaan.

- Membantu menyediakan rangka anggaran perbelanjaan dan anggaran peruntukan tahunan Tabung UNISSA.
- Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Tabung UNISSA dan Ketua Bahagian.

Syarat-Syarat Lain :

- i. Mempunyai perwatakan yang baik dan dapat menunjukkan sikap komitmen yang tinggi terhadap tugas dan tanggungjawab serta dapat menjalankan tugas-tugas dengan penyeliaan yang minima.
- ii. Boleh memberikan komitmen untuk bertugas di luar waktu-waktu bekerja biasa pada bila-bila masa yang diperlukan dan diarahkan.
- iii. Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat-syarat dan yang disenaraipendek sahaja akan dipanggil untuk menjalani sesi temuduga.
- iv. Universiti berhak menolak borang permohonan yang tidak diisi dengan lengkap dan yang tidak menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan.

Tatacara Permohonan :

Setiap permohonan hendaklah menggunakan borang permohonan P1 yang boleh diperolehi dari laman sesawang UNISSA atau dari Kaunter Penyambut Tetamu UNISSA pada waktu pejabat. Borang permohonan yang telah diisikan dengan lengkap berserta dengan gambar ukuran paspot, salinan sijil-sijil kelulusan / akademik dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan latihan / pengalaman kerja / kemahiran dan seumpamanya hendaklah dikembalikan ke alamat di bawah **tidak lewat pada hari Sabtu, 9 Januari 2016**.

PENDAFTAR

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SIMPANG 347, JALAN PASAR BAHARU
GADONG BE 1310
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(UP: Bahagian Sumber Tenaga Manusia)

Rujukan Iklan: UNISSA/PEN/KEW/002-2015 (Tabung)



JABATAN PENGAKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

BILANGAN SEBUT HARGA : 02/JPD/JKSH/20152016

TAJUK SEBUT HARGA :
TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN DI KOMPLEKS LITAR UJIAN
DAN LATIHAN MEMANDU, KAMPUNG SUNGAI AKAR
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa dari syarikat-syarikat serta pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Borang sebut harga dan keterangan spesifikasi bolehlah diperolehi di **Penyambut Tetamu, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Beribi, Gadong** semasa

waktu pejabat, iaitu **8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi dan dari 2.00 Petang hingga 4.00 Petang**.

3. Setiap borang sebut harga hendaklah diisikan dengan lengkap dan disertakan salinan sijil pendaftaran perniagaan dan perkara yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup rapat tanpa menunjukkan identiti pemborong serta menyatakan bilangan dan tajuk sebut harga dihantar dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat :

Pengerusi

Jawatan Kuasa Sebut Harga
Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat
Tingkat 4, Jalan Beribi Gadong, BE1110
Brunei Darussalam.

4. Tarikh tutup menghadapkan sebut harga berkenaan pada hari **Selasa, 29 Disember 2015, jam 2.00 Petang**. Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang terendah ataupun apa-apa jua bentuk tawaran.

akaun e-darussalam

awda

DAFTAR di:
www.gov.bn

AKTIFKAN di:



PUSAT KEBANGSAAN
E-KERAJAAN



SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM



KEMENTERIAN
HAL EHWAL
DALAM NEGERI



JABATAN
PENGANGKUTAN DARAT



JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK



KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN
PELANCONGAN

- Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK)
- Jabatan Buruh
- Jabatan Daerah Tutong
- Jabatan Bandaran Kuala Belait and Seria
- Jabatan Daerah Temburong

- Cawangan:
- Bandar
 - Sengkurong
 - Kuala Belait
 - Seria
 - Tutong
 - Temburong

untuk mengakses perkhidmatan-perkhidmatan *online* Kerajaan:

PENGANGKUTAN

- Membaharui lesen memandu
- Membaharui lesen kenderaan (*road tax*)

PEKERJAAN & BURUH

- Pengambilan pekerja asing
- Permohonan kerja di sektor Kerajaan
- Permohonan kerja di sektor swasta

BISNES

- Memohon, mengemaskinikan, membaharui lesen perniagaan

UTILITI

- Pembayaran bil elektrik
- Menghantar bacaan meter elektrik

dan banyak lagi akan datang...

e-darussalam
gov
.bn

ikuti kami:

GOVBN

@govbn

@gov_bn

govbn Channel

untuk maklumat lanjut:

123

info@123.com.bn





DANA PENGIRAN MUDA MAHKOTA AL-MUHTADEE BILLAH UNTUK ANAK-ANAK YATIM



Sumbangan bolehlah dibuat melalui
**SMS BRUNEI PRIHATIN BAGI
DANA PENGIRAN MUDA MAHKOTA AL-MUHTADEE BILLAH
UNTUK ANAK-ANAK YATIM**

**SMS Brunei Prihatin Bagi
DANA Tahun 2015 - 2016 ini
dibuka mulai 25 Nov 2015
hingga 31 Jan 2016**

dengan menaip sms:

DANA1

Taip "dana1"
untuk B\$1

DANA5

Taip "dana5"
untuk B\$5

DANA10

Taip "dana10"
untuk B\$10

DANA15

Taip "dana15"
untuk B\$15

DANA20

Taip "dana20"
untuk B\$20

Projek SMS Brunei Prihatin Bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim ini diungkayah bersama oleh:



Untuk DSTCom




Untuk Progresif
Cellular Sdn Bhd

"Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda : "Penjaga anak yatim daripada kerabat atau bukan kerabatnya, saya dan dia (penjaga itu) seperti dua (jari) ini di dalam syurga". Malik (periwayat hadits) mengisyratkannya dengan jari telunjuk dan jari hantu."
(Hadits riwayat Muslim)

وقت ۲ سمبھڻ باڳي داءِ پره تونوڻڻ ڏنميه ساڻو مينيت دان داءِ پره بلاعت ڏنميه نيڻڻ مينيت دان سمبھڻڻ فرض جمعة دسپوروو نڱارا بروني دارالسلام
دمولاءِ ي دري ڦوڪوڻ 12.45 نڱه هاري

Dikir Maulud bergema di seluruh negara

Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa hadir selaku tetamu kehormat dalam Majlis Dikir Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang berlangsung di Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Jangsak.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Disember. - Sempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, pelbagai kegiatan keagamaan diadakan termasuk menyemarakkan masjid-masjid dan surau-surau di negara ini

dengan laungan Dikir Syarafil Anam selama 12 malam berturut-turut. Sehubungan itu, rombongan daripada Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bersama Takmir Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah meneruskan

Majlis Dikir malam ke-11 di masjid berkenaan di Kampung Jangsak.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti Majlis Berdikir beramai-ramai yang dikepalai oleh belia-belai daripada Rancangan

Kapal Belia Asia Tenggara Ke-42 dan diteruskan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap KKBS, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Timbalan Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji Mohd. Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad dan Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Azizul Azri bin Haji Majit.

Turut menyertai majlis tersebut

ialah pegawai-pegawai kanan daripada KKBS serta para pegawai dan kakitangan JBS.

Antara tujuan majlis tersebut diadakan ialah bagi menyemarakkan bulan kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping menanamkan rasa minat belia dengan tradisi berdikir sebagai adat resam orang-orang Brunei sekali gus melibatkan mereka dengan kegiatan berbentuk kerohanian dan keagamaan.

Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

TUTONG, Selasa, 22 Disember. - Sempena menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, rombongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) meneruskan Majlis Dikir Syarafil Anam di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kampung Kiudang.

Rombongan kementerian tersebut dikepalai oleh Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Mohammad 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam.

Bacaan dikir dimulakan sejurus selesai Sembahyang Fardu Maghrib

Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Al Faatihah yang dipimpin oleh Awang Haji Mohammad 'Abdoh.

Juga hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan Setiausaha Tetap dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, ketua-ketua jabatan, penghulu mukim, ketua-ketua kampung di bawah Mukim Kiudang, ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel serta penduduk kampung berkenaan.

Bagi memberkati majlis yang



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Haji Mohammad 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam mengepalai rombongan dikir KHEDN.

berkebakikan tersebut, doa penutup dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid berkenaan, Awang Haji Mahli

bin Haji Metussin.

Rombongan KHEDN juga telah mengadakan majlis yang serupa di

Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait dan Daerah Temburong baru-baru ini.

Balai Ibadat Kampung Merangking

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

KUALA BELAIT, Isnin, 21 Disember. - Masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara terus bergema dengan Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam selama 12 malam berturut-turut bermula 1 Rabiulawal 1437 Hijrah yang lalu.

Sehubungan itu, rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah mengadakan Majlis Ihya Maulidur Rasul di Balai Ibadat Kampung Merangking, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Roslan bin Haji Taja'ah.

Majlis seumpama ini diadakan sebagai salah satu syiar Islam untuk memakmurkan masjid, selain mengingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping dapat mengeratkan lagi

hubungan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan KHEU dengan jemaah masjid dan penduduk kampung berkenaan.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memeriahkan dan memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan mendapatkan keberkatan serta rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala, di samping memupuk kesedaran dan keinsafan umat Islam dalam mengenang jasa dan pengorbanan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebarkan agama Islam.

Aktiviti yang diunkayahkan seumpama ini dihasratkan akan dapat menanamkan rasa kasih dan cinta terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta memohon ganjaran teristimewa dan syafaat bagi orang-orang yang berselawat ke atas

Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah amalan mulia dalam pembentukan jati diri individu Muslim.

Antara ganjaran yang akan diperolehi oleh orang yang sentiasa berselawat ialah sebagaimana dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda sesiapa mengucapkan selawat kepada ku, Allah Subhanahu Wata'ala berselawat (memberi rahmat) kepadanya 10 kali.

Bagi memberkati majlis, Doa Allah Peliharakan Sultan telah dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Kawasan 2 Daerah Belait, Awang Aminorddin bin Haji Mohd Yussof.

Hadir sama ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad dan Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman.

Rombongan KHEU seterusnya



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Roslan bin Haji Taja'ah; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad dan Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman hadir pada majlis tersebut.

akan berkunjung ke Masjid Omar 'Ali Saifuddin bagi Majlis Penutup Dikir Sempena Sambutan Mauud

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada hari Rabu, 23 Disember 2015, pukul 8.00 malam.

Sumbangan hamper kepada pesakit psikiatri



UPACARA penyampaian sumbangan kepada klien yang menjalani rawatan pemulihan berlangsung di Pusat Pemulihan / Rehabilitasi Psikiatri, Kampung Kiarong.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BMC semarakkan Maulidur Rasul dengan ceramah agama

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

LUMUT, Jumaat, 18 Disember. - Syarikat Metanol Brunei Sdn Bhd (BMC) telah mengadakan ceramah agama untuk memperingati akan kedatangan Sambutan Maulud Nabi yang berlangsung di Bangunan Pentadbiran BMC, Taman Perindustrian Sungai Liang (SPARK).

Hadir pada acara keagamaan itu ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif BMC, Awang Daud bin Haji Jais serta pegawai dan kakitangan BMC.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah diikuti dengan ceramah yang disampaikan oleh penceramah jemputan dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Hisham bin Ismail.

Ceramah tersebut antaranya menyentuh mengenai Sambutan Maulidur Rasul, iaitu dengan memperingati Hari Keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang kebiasaannya disambut setiap 12 Rabiulawal.

Selain itu, berbagai-bagai acara sambutan seperti perarakan, ceramah dan berselawat turut diadakan bagi memuliakan Junjungan Besar umat Islam sebagai tanda kecintaan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Ada banyak kelebihan dan keistimewaan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala



PENCERAMAH jemputan dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Hisham bin Ismail semasa menyampaikan ceramah pada majlis berkenaan.

kepada mereka yang mengadakan atau menghadiri Majlis Maulidur Rasul, antaranya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : *"Sesiapa yang membesarkan hari keputeraanku nescaya aku akan menjadi penolongnya pada hari kiamat dan sesiapa membelanjakan untuk majlisku seumpama ia membelanjakan emas sebanyak sebuah gunung untuk agama Allah."*



TIMBALAN Ketua Pegawai Eksekutif BMC, Awang Daud bin Haji Jais serta pegawai dan kakitangan BMC hadir pada acara keagamaan tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Disember. - Pusat Pemulihan/Rehabilitasi Psikiatri, Kampung Kiarong menerima sumbangan sebanyak 120 hamper atau bakul yang disumbangkan oleh La Vida dan Lotus Light Charity Society bersempena dengan hari ulang tahun Lotus Light Charity Society.

Lotus Light Charity Society dan La Vida bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam sama-sama membantu klien menjalani



SUMBANGAN hamper diberikan kepada salah seorang klien yang menjalani rawatan pemulihan atau rehabilitasi.

rawatan mereka.

Acara pemberian sumbangan yang berlangsung di Pusat Pemulihan / Rehabilitasi Psikiatri Kampung Kiarong tersebut diberikan kepada klien yang menjalani rawatan pemulihan atau rehabilitasi untuk cabaran perkembangan emosi dan psikologi di Daerah Brunei dan Muara, Belait dan Temburong.

Jabatan Psikiatri, Kementerian Kesihatan memberikan perkhidmatan kepada mereka yang mengalami gangguan emosi dan masalah kesihatan psikologi.

Selain itu, pusat ini juga aktif dalam mengadakan kempen-kempen kesedaran awam dalam usaha untuk meningkatkan kesejahteraan kesihatan

mental dan mengurangkan stigma masyarakat.

Pengurangan stigma dan diskriminasi ini adalah penting di dalam mengoptimalkan proses pemulihan dan integrasi semula ke dalam masyarakat.

Pihak Pusat Pemulihan / Rehabilitasi Psikiatri sangat menghargai dan mengalu-alukan agensi bukan kerajaan dan orang perseorangan yang memberikan sokongan dan sumbangan yang serba sedikit akan dapat memberikan kegembiraan dan semangat kepada klien-klien di Pusat Pemulihan / Rehabilitasi Psikiatri ini, ke arah mencapai tahap pemulihan yang cemerlang.

Kris Karmila menerima Anugerah Sasterawan Batam Madani

Siaran Akhbar dan Foto : Faridah Haji Ibrahim

BATAM, INDONESIA. - Seorang Pemuisi Negara, Dayang Hajah Karmila binti Haji Sapar atau dikenali sebagai Kris Karmila menerima Anugerah Sasterawan Kenduli Seni Melayu pada Anugerah Sasterawan Batam Madani pada 18 Disember 2015 lepas.

Dayang Hajah Karmila berasa bersyukur kerana diberi peluang untuk menghadiri majlis gemilang tersebut dan berbangga dengan pengiktirafan dengan penghargaan tersebut.

"Saya dengan rasa bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana memberikan saya peluang untuk dapat menghadiri ke majlis gemilang ini dan rasa berbangga kerana mendapat pengiktirafan dan penghargaan berserta trophy, medal dan juga sijil apresasi dan pengiktirafan dari Pemerintah Kota Batam Indonesia yang disampaikan oleh Dato Dr. H. Ahmad Dahlan Walikota dan dengan setinggi-tingginya ucapan terima kasih kepada Pemerintah Kota Batam dan Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (YSHHB) yang telah menaja saya bagi keperluan dalam persediaan sehinggakan saya dapat menghadiri ke majlis upacara gemilang tersebut," jelas beliau.

Beliau turut berterima kasih di atas pemedulian, sokongan, dorongan daripada ahli keluarga, teman akrab dan teman seni seperjuangan.

Turut menerima anugerah pada malam tersebut ialah sasterawan dari negara Malaysia, Thailand, Republik Singapura dan Republik Indonesia.

Adapun, para tokoh yang menerima anugerah pada malam tersebut dibezakan berdasar kategori penghargaan, antara lain Anugerah Batam Madani, Anugerah Batam Serantau, Anugerah Mitra Budaya dan



PEMERINTAH Kota Batam, Dato Dr. H. Ahmad Dahlan Walikota telah menyampaikan piala, pingat dan sijil serta menghadaiahkan buku tulisannya bertajuk 'Sejarah Melayu'.

Penghargaan Pengabdian Batam.

Penerima Anugerah Batam Serantau diterima oleh Presiden Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI), Senator Tan Sri Haji Mohd. Ali bin Mohd. Rustam dari Malaysia. Anugerah ini diberikan kepada orang luar negeri yang dinilai berjasa dalam membina hubungan yang baik dengan Batam terutama hubungan budaya.

Penghargaan ini merupakan suatu bentuk apresiasi dan menghargai jasa para tokoh yang turut menyumbang dalam membangunkan Batam dari segi kebudayaan, seni, pendidikan dan teknologi dalam kehidupan sosiobudaya Batam.

Pada malam tersebut, Dayang Hajah Karmila telah tampil mempersembahkan muzikal puisi bertajuk 'Batam Tanah Airku'. Lirik asal puisi tersebut merupakan hasil karya ciptaan bersama Dayang Hajah Karmila dan Dato Nazri Al-Bentan dari Malaysia.

Dayang Hajah Karmila juga turut mempersembahkan muzikal puisi dan lagu ciptaan beliau sendiri dengan kerjasama pencipta susunan muziknya, Fileski dari Republik Indonesia berjudul 'Kerinduan'.

Dayang Hajah Karmila bergiat aktif dalam bidang seni sejak kecil lagi. Bermula dari pencipta lagu, bergiat aktif dalam bidang choir dan nasyid, dan yang berkaitan dengan bidang seni.

Walaupun latar belakang pendidikan beliau dalam bidang keusahawan, namun bakat semula jadi dalam bidang seni diasah dengan usaha gigih dan minat yang tinggi.

Beliau pernah memenangi beberapa pertandingan deklamasi puisi yang telah dianjurkan di dalam dan juga luar negeri serta baru-baru ini beliau menerima Anugerah Pembaca Puisi Wanita Popular pada Anugerah Penggiat Seni Tanah Air Brunei (PeSTAB).

Nasihat agama Islam jadi panduan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Disember. - Majlis Dikir bersempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam selama 12 malam berturut-turut di seluruh masjid, surau dan balai ibadat kini di penghujung malam terakhir sebelum kita meraikan upacara perhimpunan dan perarakan seluruh negara esok.

Majlis Penutup Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada kali ini menumpukan di Masjid Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, pegawai-pegawai kanan dan para pegawai serta kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis dimulakan dengan bacaan

Surah Al Faatihah yang dikepalai oleh Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti dan disusuli dengan takziah.

Pengarah Pejabat Antarabangsa dan Perhubungan Awam Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Noralizam bin Haji Ali Akhbar dalam takziah antara lain menerangkan agama Islam itu merupakan nasihat dan dibahagikan kepada lima perkara.

Nasihat bagi Allah, katanya, kita selaku umat Islam mestilah beriman dan beramal kepada apa yang diperintahkan dan meninggalkan segala perkara yang dilarang.

Nasihat bagi kitab-Nya pula dengan membaca ayat-ayat Al-Qur'an yang betul serta memahami pemahamannya dan ia merupakan pedoman hidup untuk selama-lamanya.

Sementara nasihat bagi Rasul-Nya diterangkan antara lain mempercayai apa yang dibawa dan menghidupkan ajaran dan sunnah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Manakala nasihat kepada para pemimpin ialah menyokong



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Dikir Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1437 Hijrah / 2015 Masihi di Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

perkara kebenaran serta keadilan dan nasihat kepada orang ramai pula memupuk sikap tolong-menolong, hormat-menghormati dalam memimpin ke jalan yang benar.

Kemudian, Dikir Syarafil Anam dimulai dengan Dikir Assamualaika daripada Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Omar 'Ali Saifuddin dan kumpulan dikir Kampung Pandai Besi.

Seterusnya Persatuan Angkatan Belia Kampung Burong Pingai (PERANGKAB) membawakan Dikir

Khairuman Pak Awang dan Bishahrin Badar dibawakan oleh Kumpulan Dikir Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Jabatan Hal Ehwal Syariah dan pasukan dikir KUPU SB.

Sementara pasukan-pasukan dikir Kampung Belimbing Subok, Nur Taqwa dan Program Khidmat Bakti Negara membawakan Alham Allah serta Badat Nurjalla dipersembahkan daripada pasukan dikir Jabatan Urusan Haji, Polis Kawalan Di-Raja (INIM) dan Persatuan BASMIDA.

Dikir Asraqal pula dibawakan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid dan

Jabatan Pengajian Islam.

Bagi memberkati majlis, doa dikir dibacakan oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Mudim Awang Haji Amran bin Haji Mohd. Salleh, sementara Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Yang Dimuliakan Pehin Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang.

Tema sambutan Maulud Nabi kali ini 'Menghayati Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam'.



SUASANA Majlis Penutup Dikir Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1437H / 2015M.

Satu 'Tamu' penuhi keperluan, keselesaan Empat lokasi disediakan

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Disember. - Dalam meningkatkan suasana perniagaan yang lebih baik dengan kemudahan yang teratur, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan (BSB), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyediakan empat lokasi di Gadong bagi para peniaga Tamu Kianggeh yang akan dipindahkan pada bulan Mac tahun depan.

Lokasi yang disediakan untuk para peniaga ialah bangunan kekal di Tingkat 1 Bangunan Pasar Gadong bagi jualan makanan kering / barang runcit, kawasan Tamu Gadong (berpayung) bagi jualan makanan dan minuman, kuih-muih dan kraf tangan dan bekas bangunan jualan daging dan ayam (bersebelahan

Bangunan Pasar Gadong) bagi jualan sayur-sayuran dan buah-buahan.

Manakala satu lokasi iaitu kawasan lapang bersebelahan Tamu Gadong Sungai Menglait adalah bagi peniaga setiap hari Jumaat dan hari Ahad yang dibenarkan oleh Pengerusi Bandaran BSB akan dikeluarkan kad nama kepada setiap peniaga yang dibenarkan tersebut.

Menurut kenyataan Lembaga Bandaran, BSB pada masa ini kerja-kerja membina tapak berjaja sedang berjalan.

Kawasan berkenaan akan menyediakan 200 petak berjaja yang beratap dilengkapi dengan kemudahan termasuk bilik ibadat, tandas awam, kemudahan tempat pembuangan sampah, tempat pemunggaran, notis papan tanda setiap kawasan dan pondok kawalan keselamatan.

Dalam kenyataan itu lagi, kawasan Tamu Gadong (berpayung)

mempunyai 180 bangku dengan 18 payung yang dilengkapi dengan meter elektrik prabayar dan air bermeter bagi setiap pondok. Ia juga dilengkapi dengan pondok masak, petak menjual sate dan tandas awam.

Di samping memberikan persekitaran yang lebih bersih, ia juga dihasratkan juga meningkatkan keselesaan kepada para peniaga dan pelanggan ruang letak kereta yang teratur dan tidak mengalami kesesakan seperti di Tamu Kianggeh yang turut menghalang laluan kenderaan lalu lintas yang juga boleh menghalang laluan jika berlaku kecemasan.

Dengan pemindahan operasi berniaga dan berjaja dari Tamu Kianggeh ke Tamu Gadong akan memberikan keselesaan para peniaga mahupun pelanggan dalam suasana yang baik, bersih, teratur, selamat dan menjadi satu tamu memberikan keperluan orang ramai untuk membeli keperluan harian dalam satu kawasan.

Apa yang diharapkan pemindahan ini adalah kerjasama, sokongan dan dukungan pelbagai pihak yang

Aktiviti 'Bandarku Ceria' dilanjutkan pada 1-3 Januari 2016

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Disember. - Sempena musim cuti persekolahan ini Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (BSB) dengan kerjasama 'Event Management' mengadakan pelbagai aktiviti dan jualan bagi sama-sama memeriahkan dan menyemarakkan suasana pusat bandar dengan nama 'Bandarku Ceria'.

Jualan dan aktiviti tersebut yang diadakan di Dermaga Diraja BSB bermula pada 25 hingga esok, Ahad 27 Disember 2015 akan dilanjutkan lagi pada hari Jumaat 1 Januari hingga hari Ahad 3 Januari 2016.

Antara aktiviti yang disusun ialah gerai jualan, gerai makan, Jualan 'Back To School', Pertunjukan Kucing, Pertandingan DJ / Pengacara; Permainan 'Air Wheel', 'Photo Booth', Pertandingan Membuat Teh Tarik, Pertandingan Membuat Roti Canai, Pertandingan Permainan Tradisional seperti Permainan Pasang dan Congkak, Rumah Reptilia, Permainan Tamiya dan bermacam-macam lagi aktiviti dan permainan yang menarik untuk pengunjung.

Aktiviti dan jualan pada hari Jumaat, akan bermula dari pukul 2.30 petang hingga 10.00 malam, sementara hari Sabtu dan Ahad, akan bermula pukul 9.00 pagi hingga 10.00 malam.

Orang ramai dipersilakan dan dialu-alukan untuk berkunjung ke gerai jualan bersama keluarga yang mana di samping gerai jualan, terdapat juga bermacam-macam pertunjukan dan permainan.



LOKASI kawasan Tamu Gadong (berpayung) bagi jualan makanan dan minuman, kuih-muih dan kraf tangan.

berkepentingan iaitu agensi kerajaan, peniaga / peniaga Tamu Kianggeh, pihak swasta dan orang ramai dan mendatangkan keberkatan semua pihak yang berurusan di Tamu Kianggeh pada masa ini.

'BERPEGANG TEGUH KEPADA NILAI-NILAI ISLAM'

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.